kepada pembelajaran aktif. Pengintegrasian pelbagai disiplin, aktiviti di dalam dan di luar bilik darjah, serta gabungan teori dan amali dititikberatkan.

Melalui domain psikomotor, kognitif, dan afektif, ia dapat menilai penguasaan kemahiran dalam Pendidikan Jasmani. Guru PJK mempunyai pelbagai pilihan untuk menilai kemajuan murid. Antaranya ialah penguasaan kemahiran, penguasaan boleh diukur atau dinilai berdasarkan kuasa kebolehan mengikut masa, jarak, ketepatan, dan bentuk perlakuan. Komponen setiap penguasaan dibezakan dan tahap penguasaan murid direkodkan dalam pelaporan yang disediakan.

1.8.3 Pendidikan Jasmani dan Kesihatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui buku Panduan Pengurusan Mata Pelajaran PJK Sekolah Menengah (2019), Mata pelajaran PJK telah direka bentuk untuk memenuhi keperluan PJK yang holistik, bersepadu, berkembang dan autentik selaras dengan keperluan FPK. Kemudiannya falsafah PJK diserapkan ke dalam sistem pendidikan negara. PJK menggariskan kemajuan diri mengenai fizikal, mental, emosi, sosial, keselamatan, kewajipan kendiri, kerjasama dan interaksi.

Kurikulum mata pelajaran PJK adalah berdasarkan kepada kemahiran pergerakan dan amalan gaya hidup sihat. Komponen Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan dilaksanakan melalui domain psikomotor, kognitif dan afektif. Mengikut keperluan murid. Kurikulum mata pelajaran PJK perlu disampaikan dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkesan melalui PdPc dengan pelbagai pendekatan, kaedah dan teknik yang lebih sesuai dan menarik bagi memenuhi keperluan abad ke-2.

Dalam konteks kajian ini, mata pelajaran PJK menengah rendah (tingkatan satu hingga tiga) merupakan subjek yang dilaksanakan PBD oleh responden.

1.8.4 Guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan Sekolah Menengah

Guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan sekolah menengah merujuk kepada guru siswazah yang ditugaskan untuk mengajar mata pelajaran PJK di sekolah menengah. Guru bukan sahaja ditugaskan untuk mendidik anak murid, malah guru juga mempunyai peranan dalam urusan pentadbiran sekolah seperti tugas-tugas perkeranian, menghadiri kursus, bengkel dan mesyuarat, aktiviti-aktiviti di peringkat sekolah dan lain-lain lagi.

Dalam kajian ini, guru PJK sekolah menengah diistilahkan iaitu individu yang menjalankan PBD ke atas murid di mana mereka merupakan responden kajian ini. Responden merujuk kepada guru sekolah menengah yang ditugaskan mengajar mata pelajaran PJK (opsyen dan bukan opsyen) menengah rendah di Daerah Kota Setar.

1.8.5 Dimensi Konteks

Penilaian Dimensi Konteks untuk mengukur peluang dan keperluan berdasarkan kepada konteks atau persekitaran program (Stufflebeam & Shinkfield, 2007). Penilai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

boleh memahami rasional program dengan menilai konteks. Melalui skop yang lebih besar, penilai dapat memutuskan kesesuaian matlamat program terhadap strategi yang membantu visi dan misi program. Dengan cara ini, penilaian konteks dilihat sebagai pemutus perancangan yang dinamik bagi sesuatu program.

Dalam konteks kajian ini, penilaian konteks dikonsepsikan oleh tiga elemen, iaitu kerelevanan PBD PJK dengan FPK, yang bermaksud pertalian atau hubungan antara PBD dengan FPK, kesediaan guru PJK, yang bermaksud sejauh mana kesediaan guru daripada aspek pengetahuan dalam melaksanakan PBD, dan sikap guru PJK yang bermaksud kemungkinan tingkah laku guru dalam memberi tindak balas yang positif atau sebaliknya terhadap pelaksanaan PBD. Berikut adalah definisi istilah bagi setiap subkonstruk dalam dimensi ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.5.1 Kerelevanan PBD dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan

FPK semestinya menjadi perkara pertama yang dirujuk dalam Pendidikan di Malaysia. FPK digubal untuk dijadikan panduan mahupun hala tuju dalam menentukan haluan, asas dan inspirasi kepada usaha serta perancangan dalam bidang Pendidikan. Selaras dengan keseimbangan dalam FPK, PBD merupakan penilaian holistik yang menilai aspek kognitif, afektif, dan psikomotor. Setiap tindakan pengajaran perlu dijamin mempunyai komponen asas FPK iaitu mewujudkan individu yang disesuaikan daripada JERIS (Syahirah et al., 2022). Berdasarkan penerangan, subkonstruk kajian ini merujuk kepada kesesuaian pertalian atau hubungan antara PBD dengan FPK.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.5.2 Kesediaan guru PJK dalam pelaksanaan PBD

Menurut Mok (2008), kesediaan boleh dipecahkan kepada kesediaan kognitif, kesediaan afektif, dan kesediaan psikomotor, dan ia merujuk kepada kapasiti individu untuk memulakan sesuatu aktiviti pengajaran atau pembelajaran. Dalam konteks kajian ini, kesediaan merujuk kepada kesediaan guru mengaplikasikan ilmu dalam melaksanakan PBD.

1.8.5.3 Sikap guru PJK dalam pelaksanaan PBD

Menurut Aiken (2000), sikap merupakan kecenderungan untuk bertindak secara positif atau negatif terhadap objek tertentu, situasi, institusi, konsep atau seseorang. Sikap seseorang mempunyai kesan yang besar terhadap tingkah laku mereka. Ini boleh dilihat melalui tingkah laku yang ditunjukkan oleh seseorang. Dalam kajian ini, sikap guru terhadap perlaksanaan PBD ialah kecenderungan cara tingkah laku guru dalam memberi balasan dengan baik atau dalam apa jua keadaan terhadap pelaksanaan PBD.

1.8.6 Dimensi Input

Visi utama penilaian input adalah untuk memutuskan aset yang boleh diakses untuk mencapai objektif program. Masa, sumber, infrastruktur, kurikulum, tenaga manusia, serta kandungan program ialah input kepada penilaian (Zainun & Nooraida, 2021). Selain itu, penilaian input program membenarkan penilai untuk menghadkan dan mengembangkan parameter program untuk menjadikannya lebih realistik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks kajian ini, penilaian input dikonsepkan kepada tiga elemen, iaitu pengetahuan, yang berpusat di sekitar maklumat guru tentang pelaksanaan PBD, kemahiran guru pula berpaksikan kebolehan dalam bidang yang diajar di samping mentaksir dan membuat penilaian hasil kerja murid (*evidens*) secara holistik, seterusnya aspek latihan dan sokongan merujuk kepada persediaan dan pendedahan maklumat yang diterima oleh guru dan kemudahan yang disediakan oleh sekolah dalam melaksanakan PBD sekolah dalam pelaksanaan PBD. Berikut adalah definisi istilah bagi setiap subkonstruk dalam dimensi ini.

1.8.6.1 Pengetahuan guru PJK menjalankan PBD

Abdul Hamid (2004) mendefinisikan pengetahuan adalah suatu peringkat dalam bentuk kebenaran, prinsip dan maklumat. Pengetahuan ialah sesuatu yang diketahui dan dipelajari. Pengetahuan saintifik pula ialah konsep dan fakta yang dipelajari tentang sains boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Dalam kajian ini, pengetahuan difokuskan kepada pengetahuan guru PJK dalam menjalankan PBD PJK.

1.8.6.2 Kemahiran guru PJK dalam pelaksanaan PBD

Kamarul Azmi dan Ab. Halim (2007) menegaskan antara sifat-sifat guru yang berkesan ialah mempunyai kemahiran mengajar, termasuk menghubungkan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam pengajarannya. Seseorang guru perlu berpengetahuan dan mempunyai kemahiran. Kemahiran mengajar atau teaching skills meliputi aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian dengan tujuan menyebarkan ilmu pengetahuan atau kemahiran kepada pelajar-pelajar dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkesan iaitu menggunakan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik mengajar berlandaskan teori pengajaran dan pembelajaran. Dalam kajian ini, kemahiran guru dipusatkan kepada kebolehan guru dalam menyediakan diri dalam melaksanakan PBD PJK.

1.8.6.3 Latihan dan sokongan sekolah

Menurut Truelove (1995), latihan merupakan kerja untuk membina maklumat, kebolehan dan tingkah laku yang diharapkan dalam melaksanakan sesuatu yang berkaitan dengan kerja. Sokongan organisasi (*Perceived Organizational Support*) adalah kepercayaan seseorang dari segi sumbangan dan kebajikan yang diharapkan atau diterima daripada organisasinya (Eisenberger et al., 1986). Merujuk konteks kajian ini, latihan difokuskan kepada bengkel serta kursus atau keperluan yang guru telah peroleh dan sokongan difokuskan kepada kadar sumbangan yang disediakan oleh sekolah dalam pelaksanaan PBD.

1.8.7 Dimensi Proses

Penilaian proses berpusat di sekitar pelaksanaan program. Pelaksanaan ialah peringkat di mana sumber data digunakan dengan cara yang berdaya maju untuk mencapai objektif, sasaran dan objektif item yang dikehendaki. Proses penilaian untuk memahami bagaimana program menjalankan peranannya. Biasanya, keputusan pelaksanaan dibuat semasa fasa ini (Patil & Kalekar, 2014). Pendekatan sistematik untuk menilai proses membolehkan penilaian semua komponen penerangan pelaksanaan program.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks kajian ini, penilaian proses dikonsepsikan oleh tiga elemen, iaitu perancangan guru merujuk kepada persediaan guru sebelum melaksanakan PBD, strategi pengajaran dan pemudahcaraan merujuk kepada tindakan guru dalam proses mengendalikan PBD, dan kaedah guru PJK menjalankan PBD untuk menilai hasil kerja murid merujuk kepada prosedur serta langkah dalam tindakan guru dalam proses dalam pelaksanaan PBD PJK. Berikut adalah definisi istilah bagi setiap subkonstruk dalam dimensi ini.

1.8.7.1 Perancangan guru dalam pelaksanaan PBD PJK

Menurut Esah Sulaiman (2004), perancangan pengajaran ialah pilihan yang harus dibuat oleh guru tentang apa yang perlu diajar dan bagaimana untuk menyampaikan pengajaran supaya ia cenderung untuk diterima oleh murid. Dalam konteks kajian ini, perancangan merujuk kepada persediaan guru sebelum melakukan PBD PJK.

1.8.7.2 Strategi pengajaran dan pemudahcaraan guru dalam pelaksanaan PBD

Strategi pengajaran dan pemudahcaraan boleh dicirikan sebagai wawasan untuk memilih, mengatur, dan menyelia strategi dan kaedah latihan untuk mencipta pencapaian yang ideal (Institut Pendidikan Guru, KPM, 2017). Dalam kajian ini, maksud strategi berpusatkan kepada kaedah atau cara guru merancang pentaksiran dalam melaksanakan PBD.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.7.3 Kaedah guru PJK menjalankan PBD untuk menilai hasil kerja murid

Mok (2008) mengatakan kaedah ialah satu siri tindakan yang sistematik dengan tujuan mencapai objektif pelajaran dalam jangka masa pendek. Kaedah mengajar ialah cara mendekati sesuatu objektif pelajaran dengan langkah penyampaian yang tersusun. Istilah kaedah dalam konteks kajian ini adalah merujuk kepada tingkah laku yang dipraktikkan oleh guru terhadap proses melaksanakan PBD PJK.

1.8.8 Dimensi Produk

Menurut Stufflebeam (2003), tumpuan penilaian produk adalah pada hasil program selepas pelaksanaan. Penilaian item ini membantu dalam mengenali dan menilai hasil, sama ada hasil positif atau negatif, masa kini dan jarak jauh (Randall, 1969). Penilaian produk juga termasuk menilai hasil untuk mempromosikan dan mendokumentasikan kejayaan program yang dirancang (Tan et al., 2010).

Dalam konteks kajian ini, penilaian produk dikonsepsikan oleh tiga elemen, iaitu penerimaan guru PJK yang bermaksud perubahan tingkah laku dan hasil guru selepas menjalankan PBD, implikasi daripada perubahan dalam pencapaian dan perspektif murid terhadap mata pelajaran PJK pula ialah pencapaian murid dan perubahan sikap murid terhadap PBD dalam mata pelajaran PJK dan kekangan guru PJK merujuk kepada halangan yang wujud semasa guru melaksanakan PBD. Berikut adalah definisi istilah bagi setiap subkonstruk dalam dimensi ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.8.1 Penerimaan dan perubahan guru PJK pelaksanaan PBD

Konsep penerimaan bermaksud seorang pendidik ataupun pengajar menerima sesuatu alat atau orang untuk tujuan penambahbaikan proses PdPc (Siti Hajar Halili, 2016). Dalam kajian ini, konteks konstruk ini merujuk kepada perubahan tingkah laku dan kesan guru selepas menjalankan PBD PJK.

1.8.8.2 Hasil perubahan pencapaian dan sikap murid terhadap mata pelajaran PJK

Perubahan merupakan satu proses transformasi daripada pemikiran, kaedah atau pendekatan sedia ada kepada corak pemikiran, kaedah dan pendekatan baru (Sharina Abdullah, 2013). Hasil perubahan dalam kajian ini boleh dirujuk kepada perubahan pencapaian murid serta perubahan sikap murid terhadap PBD mata pelajaran PJK

1.8.8.3 Kekangan guru PJK dalam pelaksanaan PBD

Kekangan bermaksud sekatan atau batasan yang dikenakan kepada seseorang (Nurul Izzah Yusof & Hazhari Ismail, 2020). Kajian ini mengistilahkan kekangan ialah halangan yang muncul semasa guru melaksanakan PBD PJK.

1.9 Batasan kajian

Kajian ini dibatasi kepada empat perkara. Antara batasan dalam kajian ini ialah batasan responden, lokasi, pendekatan dan instrumen kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi batasan sampel kajian, kajian ini hanya menggunakan guru sekolah menengah sahaja sebagai sampel kajian. Maka, guru-guru yang terlibat hanyalah guru-guru di peringkat sekolah menengah yang mengajar mata pelajaran PJK tanpa mengira opsyen. Justeru dapatan kajian ini hanyalah dalam konteks sekolah menengah sahaja dan tidak meliputi sekolah rendah.

Seterusnya, batasan kedua adalah daripada aspek lokasi kajian. Kajian ini dijalankan di daerah Kota Setar, Kedah. Justeru hasil dapatan kajian ini tidak akan dapat digeneralisasikan untuk keseluruhan populasi sekolah menengah di seluruh negara.

Batasan ketiga berkaitan dengan pendekatan, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Pengukuran dalam penyelidikan kuantitatif akan membentangkan data kuantitatif dan dirumuskan melalui analisis akhir dapatan. Akhir sekali digeneralisasikan untuk menampung keperluan populasi yang lebih besar tetapi mempunyai ciri-ciri yang sama. Justeru dapatan kajian ini terbatas dengan hanya merujuk kepada data numerik.

Selain itu, batasan seterusnya pula adalah daripada segi instrumen yang digunakan untuk mendapatkan maklumat dalam kajian ini. Instrumen kajian ini ialah borang soal selidik. Sehubungan dengan itu, dapatan kajian adalah bergantung kepada keupayaan responden untuk menjawab item-item soal selidik secara jujur. Kajian ini melindungi kepentingan responden daripada segi "tanpa nama" (*anonymity*). Selain itu, responden juga boleh menarik diri daripada menjadi responden kajian pada bila-bila masa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 Kepentingan kajian

Kajian ini menjadi satu usaha penting kerana dapat memberi gambaran jelas dan maklum balas tentang pelaksanaan PBD dalam mata pelajaran PJK. Bagi pengkaji sendiri, kajian ini juga memberikan perkembangan dan pendedahan ilmu melalui pengetahuan serta pengalaman berkaitan pelaksanaan PBD PJK. Di samping itu, pengkaji dapat memperoleh pelbagai jenis maklumat berkaitan PBD PJK serta mengenal pasti kekangan yang sering dihadapi oleh pihak sekolah dalam melaksanakan PBD PJK. Kajian ini juga boleh dijadikan bahan rujukan, garis panduan dan pemudah cara untuk pengkaji-pengkaji baharu yang ingin membuat kajian lanjutan berkaitan PBD PJK. Bahkan, memberi peluang kepada para pengkaji untuk melihat secara lebih berfokus, terperinci dan mendalam berkaitan PBD PJK.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil dapatan ini dapat membantu responden membuat penambahbaikan terhadap pelaksanaan PBD PJK bagi meningkatkan kualiti pelaksanaan PBD PJK pada masa akan datang. Maklumat yang diperoleh dapat membantu guru-guru PJK dalam menyediakan perancangan untuk melaksanakan tugasan dan tanggungjawab dengan berkesan dan teliti agar PBD PJK dilaksanakan dengan lebih jelas dan tepat. Guru seharusnya berusaha untuk meningkatkan kemahiran di samping pengetahuan tentang PBD PJK khususnya melalui bengkel, seminar, kursus berkaitan ataupun melalui rajan sekerja. Kemahiran dan pengetahuan ini sangat penting bagi guru-guru bersedia dengan segala perubahan dalam pendidikan terkini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Antara pemasalahan yang ingin dikaji dalam kajian ini berkaitan dengan kekangan guru PJK dalam melaksanakan PBD PJK. Jadi, hasil maklum balas dapatan kajian ini diharap dapat maklumat berguna pihak sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri Kedah (JPNK) serta Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) daripada aspek status pelaksanaan PBD PJK di sekolah. Ia juga memberi maklumat kepada pihak berkepentingan dalam merancang penambahbaikan pelaksanaan PBD khususnya mata pelajaran PJK.

Hasil kajian ini diharap memberikan manfaat khususnya kepada pihak sekolah. Oleh sebab fokus kajian adalah untuk menilai proses serta prosedur pelaksanaan PBD PJK oleh guru serta mengetahui sejauh manakah pelaksanaan program ini mencapai matlamat dalam tahap penerimaan guru tentang PBD PJK. Melalui dapatan kajian, pihak bertanggungjawab iaitu KPM dan Bahagian Pendidikan Guru (BPG) dapat membuat perancangan kerangka kursus dan bengkel atau latihan yang bersesuaian kepada guru-guru PJK khususnya dalam meningkatkan kualiti pelaksanaan PdPc PJK yang berkesan.

Pengenalpastian kekuatan serta kelemahan PBD PJK diharapkan ditemui dalam kajian ini. Ini adalah kerana proses penambahbaikan boleh dijalankan dalam semua aspek daripada segi pelaksanaannya. Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) yang ditugaskan kepada pelaksana dasar pentaksiran kebangsaan sudah pasti memerlukan dapatan yang tepat ke arah PBD PJK. Melihat kepada kajian ini sangat penting, dengan itu disarankan agar dapatan ini digunakan di LPM untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan PBD PJK pada masa hadapan di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, kajian ini menyumbangkan informasi dan idea, serta gambaran yang jelas secara langsung atau tidak langsung kepada pihak berkepentingan tentang PBD PJK. Akhir sekali, diharapkan semua pihak bersepadu menyediakan satu mekanisme kepada pelbagai pihak untuk meningkatkan kaedah PdPc dan PBD mata pelajaran PJK agar memantapkan pendidikan di Malaysia, seterusnya dapat mengubah paradigma organisasi, masyarakat dan negara terhadap kualiti pelaksanaan PBD PJK di masa akan datang.

1.11 Rumusan

Bab ini memperincikan penerangan berkaitan dengan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif dan persoalan kajian, kerangka konsep kajian, kepentingan kajian dan skop kajian. Di samping itu batasan kajian dan penerangan berkaitan definisi istilah untuk setiap aspek yang hendak dikaji dalam kajian ini. Bab ini begitu penting kerana dalam bab ini segala maklumat tentang kajian diterangkan untuk melaksanakan kajian di samping menjadi rujukan dan panduan semasa menjalankan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pengenalan

Bahagian ini, pengkaji akan merujuk kepada kajian lepas yang menyokong kajian pengkaji untuk membincangkan sorotan literatur mengenai subjek kajian ini. Pertama, bab ini akan melihat literatur berkaitan penilaian program, pendekatan penilaian dan model-model penilaian, seterusnya fokus kepada model penilaian KIPP, yang mana kajian ini menggunakan keempat-empat komponen Model Penilaian KIPP. Bahagian ini juga menyentuh tentang kajian lalu berkaitan model KIPP dan pemilihan model ini dalam kajian. Keduanya, berkaitan Pentaksiran Bilik Darjah. Di sini pengkaji akan menyentuh secara ringkas perkara penting berkaitan PBD antaranya PBD dan FPK dan PBD untuk PJK. Seterusnya, bab ini juga akan melihat sikap dan kesedaran guru PJK

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terhadap PBD PJK. Perkara terakhir, untuk bab ini dilengkapkan, pengkaji akan menguraikan daripada sorotan kajian lepas yang berkaitan mengenai PBD PJK.

2.2 Penilaian Program

Menurut Gunn (1995), penilaian program merupakan komponen penting dalam pengurusan yang membantu pengurusan dalam menentukan kecekapan dan keberkesanan program. Penilaian program harus dilaksanakan berdasarkan fakta bahawa ia boleh membantu pengurus, menyokong dan organisasi menilai kecukupan projek yang dilaksanakan (Bramley, 1997). Bagi Rossi et al., (2004), penilaian program ialah laporan teratur yang diarahkan oleh metodologi yang tidak jelas dan bergerak ke arah menentukan daya maju sesuatu program.

Menurut Bahagian Pendidikan Guru (2009), Penilaian program ialah satu usaha mengumpul maklumat tentang sesuatu program atau beberapa komponennya bagi membuat keputusan berkaitan program. Penilaian program harus diselesaikan, terutamanya projek interaktif supaya bahagian yang menampung program itu tidak disia-siakan dan tanpa kelebihan. Pihak berkepentingan akan dapat menentukan sama ada program itu perlu diteruskan atau dihentikan melalui penilaian ini.

Menurut Calder (1994) penilaian program ialah penilaian yang memfokuskan kepada program pengajian sama ada di peringkat pedagogi atau pengurusan. Tambahan lagi, ia mempertimbangkan kesan kewangan pendidikan dan latihan yang biasanya dipertanggungjawab untuk isu kualiti dan akauntabiliti khusus yang telah dilaksanakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru itu, menurut Payne (1997), penggunaan idea-idea yang bernas dan bijak dalam melaksanakan prinsip penilaian Pendidikan merupakan alat yang berkesan untuk meningkatkan kualiti pendidikan. Penilaian Program adalah penting kerana ia merupakan satu elemen penting pengurusan yang membantu pihak pengurusan menentukan keberkesanan dan kecekapan program.

Kesimpulannya penilaian program ialah satu usaha dalam mengumpulkan dan membekalkan informasi yang diperlukan oleh pihak berkepentingan untuk membuat keputusan terhadap sesuatu program berdasarkan prestasi, pencapaian dan keberkesanan program tersebut. Langkah-langkah penambahbaikan akan segera diambil sekiranya terdapat sebarang kelemahan atau kepincangan supaya program yang dijalankan dapat memberi manfaat seperti mana yang telah dirancang. Berikut adalah pendekatan-pendekatan penilaian antaranya Pendekatan Penilaian berasaskan Proses, Pendekatan Penilaian berorientasikan Pelanggan, dan Pendekatan Penilaian berasaskan Matlamat.

2.2.1 Pendekatan Penilaian Berasaskan Proses

Penilaian proses dilakukan untuk mendapatkan data eksplisit untuk memberi kuasa kepada penilai, ketua program, pencipta strategi dan rakan kongsi untuk memahami perjalanan program iaitu cara program dijalankan dan keputusan yang akan dicapai. Penilaian proses dilakukan bagi program yang bercirikan fizikal. Seperti yang ditunjukkan oleh Gomby dan Larson (1992), penilaian proses ialah proses penilaian yang memberi tumpuan kepada jenis pentadbiran yang diberikan, khususnya kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

siapa dan bagaimana. Penilaian proses ini adalah bertujuan untuk menggambarkan bagaimana program telah dilaksanakan, siapa yang terlibat dan apakah isu yang mampu diatasi.

Penilaian ini adalah berharga dan penting untuk memantau pelaksanaan program, membezakan perubahan dan menjamin bahawa program berfungsi mengikut perancangan. Hal ini kerana, ia digunakan untuk meningkatkan dan penambahbaikan program yang dinilai. Menurut Gomby dan Larson (1992) lagi, peserta yang terlibat dengan pelaksanaan ialah wakil dan pelanggan yang merungut tentang program yang dijalankan. Dengan cara ini, sesuatu program harus difikirkan semula atas alasan terdapat kegagalan dalam perkhidmatan penyampaiannya. Dengan cara ini, keputusan penilaian yang diperoleh boleh digunakan sebaik mungkin untuk menangani proses penyampaian perkhidmatannya dan memujuk pihak berkepentingan dan pembuat dasar tentang kemajuan sesuatu program.

2.2.2 Pendekatan Penilaian Berorientasikan Pelanggan

Menurut Stufflebeam (2001), dalam pendekatan ini yang dipanggil penilaian responsif, sekumpulan orang seperti guru, pentadbir, penggubal, pembayar cukai, pegawai undang-undang, dan pembiayaan kewangan dianggap sebagai pelanggan kerana mereka menyokong, memperkembangkan, mentadbir atau terlibat secara langsung dalam mengoperasikan sesuatu program yang dinilai. Beliau menerima bahawa pelanggan juga menjangkakan saranan penilai dalam memahami dan mengusahakan program yang dinilai. Selepas itu, beliau berpendapat pendekatan ini mengharapkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penilai untuk bekerjasama dan memberikan respons kepada kehendak pelbagai golongan pelanggan serta pihak lain yang berkepentingan.

Pendekatan penilaian berasaskan pelanggan mengharapkan data abstrak dan menolak penilaian objektif dan teknik yang biasanya digunakan dalam pendekatan ini ialah kajian kes, pemerhatian serta laporan berbentuk naratif (Stufflebeam, 2001). Stufflebeam (2001) menerima bahawa penemuan atau penghujung penilaian yang bertentangan mungkin diperoleh dalam metodologi ini dan tersedia untuk terjemahan yang boleh disesuaikan. Kelemahan pendekatan ini ialah ia tidak memberikan suatu dapatan yang munasabah dalam sesuatu masa tertentu dan menyebabkan kekeliruan di kalangan pihak yang ada kepentingan (Stufflebeam, 2001).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.3 Pendekatan Penilaian Berasaskan Matlamat

McNamara (2002) mengatakan bahawa penilaian berasaskan matlamat dilakukan untuk melihat sejauh mana matlamat dan matlamat pelaksanaan telah dipenuhi. Mereka juga menyatakan bahawa penilaian ini ialah cara objektif program ditetapkan, dan proses apa yang dilengkapkan supaya objektif program dapat benar-benar dicapai. Pernyataan ini juga adalah selari dengan penilaian menurut Scriven (1991), apakah status kemajuan program yang digunakan dalam mencapai objektifnya? dan adakah objektif program mengikut tempoh masa yang diperuntukkan, sekiranya bukan mengapa? Penjelasan harus dinyatakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soalan berikut dikemukakan oleh Scriven (1991), "Adakah sumber tambahan seperti wang, peralatan, dan kemudahan lain diperlukan untuk mencapai matlamat program?" Topik perbincangan yang lain adalah bagaimana untuk mengalihkan keutamaan supaya program lebih fokus untuk mencapai matlamatnya. Jesteru itu, McNamara (2002) menekankan bahawa perubahan itu lebih kepada tugas pilihan eksekutif yang akan diperkenalkan dalam kajian penilaian.

2.3 Model Penilaian

Sesuatu program boleh dinilai menggunakan pelbagai model penilaian. Nadler (1983) melihat model ibarat sebagai jalan raya, di mana ia membantu pemandu untuk tidak tersesat. Sebaliknya, menurut Ibrahim (2001), model ialah representasi situasi sebenar. Beliau percaya bahawa model boleh memberikan penerangan yang jelas dan menyeluruh tentang keadaan sebenar. Antara model-model penilaian adalah Model Penilaian Stake (1967), Model Penilaian Tyler (1950), Model Penilaian Kirpaktrick (1950) dan Model Penilaian KIPP (1971).

2.3.1 Model Penilaian Stake (1967)

Model oleh Robert T. Stake (1967) dikenali sebagai '*Countenance Model of Evaluation'*. Hala tuju model ini lebih menjurus kepada program-program pendidikan berbanding produk-produk pendidikan. Alasan Stake (1967), nilai sesuatu item bergantung kepada kelebihan atau manfaat daripada projeknya. Model ini juga dipanggil " *Transaction Model* ". Ini menunjukkan bahawa metodologi yang digunakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

oleh model ini ialah penekanan pada proses pengarahan (*Instructional processes*). Sebelum penilaian dibuat oleh Stake Model (1967), penilai perlu mengenali alasan untuk penilaian tersebut dibuat.

Penilai perlu mengumpulkan data tentang sebab pada ketiga-tiga peringkat latar belakang, pelaksanaan dan keputusan. Langkah seterusnya adalah pemerhatian yang perlu diambil oleh penilai untuk mengetahui lebih lanjut tentang apa yang berlaku pada tiga peringkat sebenarnya. Kemudian, pada ketika itu, diikuti dengan mengumpul data tentang apa yang dijangkakan secara umum atau norma untuk ketiga-tiga peringkat ini. Akhirnya penilai perlu mengenal pasti hasil akhirnya pada semua peringkat latar belakang, pelaksanaan dan keputusan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kekuatan Model Stake (1967) ialah model ini menekankan cara pemgumpulan maklumat yang sistematik, komprehensif dan melibatkan setiap peringkat yang berkaitan (Juraidah, 2005). Menurut Shapiee (2002), model ini mampu menggambarkan kesukaran menilai program pendidikan. Kelemahan model ini ialah ia memerlukan penilai yang benar-benar memahami dan mempunyai pilihan untuk membuat keputusan sahaja (Juraidah, 2005). Model ini memberi banyak pertimbangan kepada pihak berkepentingan sehingga tahap yang menganggap data program dan peserta sebagai pihak berkepentingan dalam setiap aspek menstrukturkan penilaian termasuk aspek teknikal (Shapiee, 2002).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.2 Model Penilaian Tyler (1950)

Model Tyler ialah model penilaian utama dalam masa penilaian lanjutan yang ditubuhkan oleh Ralph Walter Tyler pada tahun 1950. Ketekalan antara objektif, pengalaman dan hasil ditekankan dalam model ini. Model ini sebaliknya dipanggil *'Traditional Tyler Rationale'* dan *'Objectives-Base Evaluation'*. Ini disebabkan oleh fakta bahawa ia diasaskan pada hasil dan objektif program yang dihasratkan.

Bagi Tyler, program perlu mencapai objektif yang jelas supaya matlamat kelakuan boleh mencerminkan perkembangan yang berlaku dalam ahli program. Tambahan beliau lagi, sekiranya objektif tidak tercapai sepenuhnya, ini menyebabkan kesan sama ada pelaksanaan program adalah lemah atau objektif yang ditetapkan adalah tidak wajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kekuatan Model Tyler ialah ia mempunyai metodologi yang berbentuk linear, terus, mudah dan cekap. Oleh kerana ia boleh mengelakkan kekeliruan semasa proses membangunkan kurikulum, ia amat bermanfaat kepada pembangun kurikulum (Juraidah, 2005). Kelemahan model ini ialah ia tidak sesuai digunakan apabila terdapat perbezaan dalam pengalaman di kalangan ahli program. Ini kerana tahap pengalaman yang berbeza akan menyukarkan untuk mencapai matlamat. Sasaran yang tidak jelas dan tepat akan mengurangkan keberkesanan proses penilaian (Shapiee, 2002). Model ini juga fleksibel kerana ia meletakkan lebihan penekanan pada sasaran sosial sahaja dan mengabaikan sudut pandangan seperti perasaan dan manusia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.3 Model Penilaian Kirkpatrick (1950)

Model Penilaian Kirkpatrick ialah model untuk menilai kualiti, produktiviti dan keberkesanan program latihan (Guskey, 2002). Penilaian program latihan di seluruh dunia adalah berdasarkan ciri mudah dan praktikalnya. Fitzpatrick et al., (2004) berpendapat bahawa Model Penilaian Kirkpatrick adalah salah satu model penilaian yang ketara untuk menilai program latihan. Bagi mereka, model ini adalah penting untuk menggambarkan dan menghuraikan soalan-soalan yang berbeza yang mungkin dikemukakan oleh penilai-penilai semasa melakukan proses penilaian.

Abdul Aziz (2003), Chan (2003) dan Reeves (1994) menyatakan bahawa Model Penilaian Kirkpatrick ialah model yang paling umum digunakan untuk mengklasifikasikan penilaian. Manakala bagi Bates (2004), Model Penilaian Kirkpatrick merupakan pendekatan penilaian persediaan yang paling terkenal. Beliau juga menyatakan bahawa model ini meringkaskan proses penilaian latihan yang rumit. Sementara Shelton dan Alliger (1993) berpendapat bahawa model ini menyampaikan keperluan untuk latihan yang profesional untuk memahami penilaian latihan dengan cara yang sistematik.

Kirkpatrick (1996) memahami model penilaian ini adalah mudah dan munasabah yang terdiri daripada empat peringkat. Peringkat utama dalam model ini ialah reaksi atau tindak balas, yang ditujukan kepada pengumpulan maklumat mengenai tindak balas peserta di penamat program atau latihan dan untuk melihat sejauh mana pelatih lebih suka program latihan. Peringkat seterusnya ialah pembelajaran, yang bertujuan untuk menilai sama ada program telah mencapai matlamat pembelajaran dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membezakan penemuan yang telah berlaku secara tidak berat sebelah. Peringkat ketiga adalah tingkah laku, merujuk kepada penilaian tahap perubahan.

2.3.4 Model Penilaian KIPP


Model Konteks, Input, Proses dan Produk (KIPP) ialah hasil daripada pelan hipotetikal yang dicipta oleh Stufflebeam (1971) yang memberikan orientasi penilaian yang ditumpukan kepada penyediaan data untuk membuat keputusan hasil daripada penilaian. Pendekatan model ini menunjukkan kepentingan data dan maklumat dalam membantu pihak berkepentingan yang berkaitan dengan membuat pilihan terbaik dan boleh membantu dengan mempertingkatkan prestasi dan kualiti. Menurut konsep penilaian Stufflebeam, ia sepatutnya "sains mengumpul maklumat untuk membuat keputusan". Usaha penilai adalah untuk mengumpul maklumat, merancang, menyiasat memberi data untuk memilih tindakan alternatif dan melaporkan. Menurutnya, tindakan boleh dibuat dalam empat bahagian, iaitu pilihan tentang persekitaran (konteks), pilihan tentang sumber (input), pilihan tentang pelaksanaan (proses) dan pilihan tentang keputusan (produk).

Seperti yang dinyatakan oleh Stufflebeam dan Shinkfield (2007), Model KIPP memberikan struktur lengkap untuk melaksanakan penilaian formatif dan sumatif terhadap program, projek, personal, produk, organisasi dan rangka kerja penilaian. Model KIPP terdiri daripada empat bahagian penting dan memfokuskan kepada kepercayaan asas sebagai teras pelaksanaannya. Berdasarkan model, prinsip panduan pada titik fokus model harus dibezakan untuk bertindak sebagai pembantu asas untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penilaian. Empat suku bulatan yang merangkumi kepercayaan asas ialah titik fokus program yang dinilai, untuk menjadi Objektif (*Goals*), Rancangan (*Plans*), Tindakan (*Actions*) dan Hasil (*Outcomes*) tertentu. Empat jenis komponen penilaian asas KIPP, Konteks, Input, Proses dan Produk, yang masing-masing akan menilai fokus program, terletak di bahagian paling luar bulatan. Setiap satu daripada anak panah menunjukkan hubungan antara pusat yang ditinjau dan jenis penilaian (Stufflebeam dan Shinkfield, 2007). Penerangan kompenan Model KIPP mengikut komponan telah diringkaskan dalam Rajah 2.1.



Rajah 2.1. Komponen utama Model Penilaian KIPP (Stufflebeam & Shinkfield, 2007)

Setiap satu daripada bahagian yang berkaitan dengan Model Penilaian KIPP hendaklah dibentuk berdasarkan prinsip panduan yang telah ditentukan. Pelaksanaan PBD PJK merupakan nilai teras dalam kajian ini. Menurut Stufflebeam dan Shinkfield (2007), nilai teras akan bertindak sebagai asas untuk mewujudkan piawaian yang harus dinilai dalam program. Penentuan kriteria ini secara tidak langsung akan membantu dalam memperjelaskan maklumat diperlukan. Perkara ini kemudiannya akan menjadi asas untuk pemilihan dan pembangunan instrumen penilaian, prosedur, maklumat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penilaian, dan piawaian yang harus dilaksanakan. Sebagai rujukan kepada sebarang kesan positif atau negatif yang tidak dijangka atau hasil program yang dinilai, penentuan nilai teras juga penting. Penegasan Stufflebeam dan Shinkfield (2007) bahawa setiap program yang dinilai mungkin berjaya untuk memenuhi langkah atau sasaran yang perlu dicapai, namun menurut perspektif nilai, program itu mungkin belum lagi mencapai tahap yang sepatutnya.

Pada umumnya, penilaian konteks akan memberikan data tentang kualiti dan kelemahan keseluruhan rangka kerja yang akan menjadi panduan penyusunan untuk penambahbaikan objektif bagi setiap peringkat dalam rangka kerja. Penilaian input memberikan data yang berkaitan dengan kualiti dan kekurangan dalam bahagian pembangunan perancangan alternatif yang akan dipilih dan distrukturkan untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Manakala penilaian proses akan menyampaikan data tentang kualiti dan kelemahan prosedur yang dipilih dalam keadaan pelaksanaan yang sebenar. Penilaian produk akan memberikan data untuk mengenali sama ada matlamat telah dicapai dan strategi perubahan yang telah dilaksanakan. Laporan penilaian kemudiannya digunakan untuk menentukan sama ada program itu perlu diteruskan (*continued*), diubah suai (*modified*), atau ditamatkan (*terminated*) untuk mencapai matlamat.

Kelebihan KIPP adalah dari sudut fleksibiliti kerana ianya boleh digunakan dalam pelbagai bidang pengkhususan yang diaplikasi oleh pengkaji terdahulu. Terdapat juga proses penyelarasan model ini dengan model yang lain. Dimensi Konteks, Input, Proses dan Produk ialah empat konstruk yang membezakan KIPP daripada model penilaian lain. Pengkaji boleh membuat membuat penilaian dengan kombinasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan semua empat aspek atau menggunakan salah satu daripada konstruk yang terdapat dalam aspek KIPP bergantung kepada keperluan program. Model penilaian KIPP menekankan pengumpulan data yang ditentukan untuk digunakan dalam membuat keputusan yang lebih mudah.

2.3.5 Faktor Pemilihan Model Penilaian KIPP

Dalam pemilihan model penilaian, pengkaji telah mempertimbangkan sama ada pendekatan ini adalah munasabah, praktikal atau telah terbukti berfungsi. Hasil pemerhatian pengkaji, model penilaian KIPP sangat sesuai digunakan untuk menilai pelaksanaan PBD PJK. Menurut Warju (2016), pelbagai program pendidikan dinilai menggunakan model penilaian KIPP bagi meningkatkan pembangunan pendidikan. Walaupun terdapat banyak model penilaian dengan pelbagai tujuan, namun pengkaji perlu menilai model ini secara sistematik dan boleh dipercayai untuk mendapatkan hasil.

Pengkaji memilih model penilaian KIPP sebagai rangka kajian kerana pendekatan penilaian ini berorientasikan pengurusan yang mana boleh membantu pengurus dalam merancang, melaksana dan menilai program (Hakan & Seval, 2011). Manakala dalam bidang pendidikan, ia memudahkan pengkaji mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk membantu pengurus sekolah, pentadbir sekolah, guru dan pihak yang berkaitan dengan proses membuat keputusan. Sepanjang kajian ini dijalankan, pengkaji juga memberi tumpuan terutamanya kepada pengumpulan data untuk menentukan kekuatan dan kelemahan pelaksanaan PBD PJK. Maklumat yang diperoleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membantu pihak berkepentingan boleh membuat penambahbaikan dalam pelaksanaan PBD PJK di sekolah menengah.

Justeru, pengkaji berpendapat model KIPP ini adalah pendekatan terbaik untuk dijadikan rangka kerja kajian penilaian, selain ianya menyediakan data kepada pembuat keputusan. Model KIPP juga dilihat mempunyai sensitiviti tinggi terhadap maklum balas. Di samping menjadi rangka kerja penilaian holistik, model ini juga membantu pihak berkepentingan membuat keputusan yang bijak (Rohana et al., 2017). Selain itu, pengkaji dapat mengenal pasti setiap komponen model ini mempunyai hubungan dengan proses membuat keputusan dalam penilaian pelaksanaan PBD PJK.

Kedua, pengkaji memilih model KIPP kerana ia merupakan pendekatan paling sesuai untuk kajian berbanding tiga pendekatan lain iaitu Model Penilaian Tyler, Pendekatan Robert Stake serta Model Penilaian Kirkpatrick. Model penilaian Tyler ialah penilaian berasaskan matlamat atau pendekatan berorientasikan objektif dan bukan nilai. Walaupun tujuan dicapai namun tidak bermakna ia disebabkan oleh pelaksanaannya, jadi ia tidak sesuai untuk kajian ini yang menjurus kepada pendekatan penilaian berorientasikan pengurusan. Pendekatan Robert Stake pula menggunakan metodologi kualitatif dan berbeza dengan kajian pengkaji yang menggunakan objektif atau matlamat yang memberi tumpuan kepada penilaian pelaksanaan PBD PJK menggunakan metodologi kuantitatif. Model penilaian Kirkpatrick juga merupakan pendekatan berasaskan objektif atau matlamat yang memberi tumpuan kepada penilaian keberkesanan latihan program. Berbeza dengan kajian pengkaji yang memfokuskan kepada pelaksanaan program iaitu PBD PJK.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ketiga, Model KIPP merupakan model penilaian yang paling banyak digunakan oleh penilai dalam menilai program (Hakan & Seval, 2011). Model ini telah melalui tempoh evolusi sejak tahun 1960-an, telah diuji untuk pelbagai konteks serta mempunyai sokongan kuat dari kesusasteraan teoretis dan pragmatik. Model KIPP ialah model penilaian Stufflebeam pada tahun 1971 yang merangkumi empat elemen KIPP yang efektif digunakan untuk menilai kualiti pendidikan di sekolah (Shamsa et al., 2018). Frye dan Hemmer (2012) percaya Model KIPP merupakan pendekatan terbaik untuk menilai hubungan kompleks, dinamik dan mempunyai hubungan tidak linear antara elemen dalam sesuatu program. Sehubungan itu, pengkaji melihat PBD PJK sebagai program pendidikan yang mempunyai ciri-ciri tersebut.

Keempat, kesemua dimensi penilaian dalam KIPP sesuai dengan empat jenis keputusan iaitu perancangan, penstrukturan, pelaksanaan dan keputusan kitar semula (Frye & Hemmer, 2012). Malah, kajian boleh menggunakan semua empat dimensi model atau salah satu gabungan dimensi bergantung kepada keperluan program. Namun, lazimnya penilaian akan menggunakan kesemua dimensi penilaian KIPP (Warju, 2016). Dalam kajian ini, pengkaji itu juga bersetuju dengan Warju (2016) untuk melibatkan setiap satu daripada empat bahagian dalam Model Penilaian KIPP (Konteks, Input, Proses serta Produk).

Kelima, menurut Frye & Hemmer (2012), model KIPP boleh digunakan untuk penilaian formatif atau sumatif dalam pelbagai bidang, khususnya pendidikan dalam konteks dinamik sosial dan projek sosial. Penilaian formatif dan sumatif kebiasaannya berlaku setiap kali penilaian dilakukan (Shamsa et al., 2018). Walau bagaimanapun, kajian ini hanya menilai secara sumatif, maka pengkaji tiada halangan untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan model ini. Frye dan Hemmer (2012) menegaskan bahawa Model KIPP sesuai jika tujuan penilaian adalah untuk melihat pencapaian matlamat dan objektif program, memperbaiki program atau melihat kesan keseluruhan program bersesuaian dengan fokus kajian ini.

Kesimpulannya, pengkaji memilih Model KIPP kerana ia ialah model yang paling sesuai digunakan sebagai rangka kerja dalam menilai pelaksanaan sistem dengan masa dan akses yang terhad. Pengkaji melihat bahawa penilaian pelaksanaan PBD PJK memberikan potensi dan manfaat yang sangat tinggi kepada pihak berkepentingan seperti guru PJK, pihak sekolah, PPD Kota Setar, JPN Kedah, KPM, dan LPM.

2.4 Kajian lalu yang menggunakan Model Penilaian KIPP

Terdapat pelbagai kajian terdahulu yang mengaplikasikan Model Penilaian KIPP dalam penilaian kajian mereka. Dalam bab ini pengkaji membahagikan perbincangan kajian lepas kepada tiga kategori iaitu kajian menggunakan model KIPP pelbagai bidang, kajian yang menjadi rujukan untuk peramal hipotesis kajian dan kajian yang berkaitan PBD yang mengaplikasikan model penilaian KIPP dalam kajian mereka.

Berikut ialah kajian yang mengaplikasikan model KIPP dalam pelbagai bidang dalam pendidikan ialah kajian oleh Syed Kamaruzaman (2012) yang bertajuk Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Jasmani Tingkatan Empat bagi Tunjang Kecergasan Fizikal menggunakan Model Penilaian KIPP dalam penilaian kajiannya. Kajian yang melibatkan 50 orang responden guru opsyen PJK sekolah menengah di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daerah Gombak yang menggunakan kesemua dimensi dalam model penilaian KIPP. Dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani tingkatan empat, kajian mendapati terdapat perkaitan antara dimensi konteks, dimensi sumber, dimensi proses, dan dimensi hasil. Penemuan ini juga menunjukkan bahawa dimensi konteks merupakan faktor utama yang menyumbang kepada aspek produk dalam pelaksanaan KSSM tingkatan empat.

Seterusnya kajian yang dijalankan oleh Sopha dan Nanni (2019) yang bertajuk *The CIPP Model: Applications in Language Program Evaluation*. Hasil kajian mendapati model CIPP adalah relevan dalam penilaian program Bahasa dan berpotensi untuk membantu golongan profesional terutamanya profesional dalam TESOL (*Teaching English to Speakers of Other Languages*), guru bahasa dan pentadbir program dalam meningkatkan amalan profesional, reka bentuk kurikulum dan penilaian program mereka.

Seterusnya kajian oleh Norzuraina (2019) yang bertajuk Penilaian KIPP dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan Murid Ketidakupayaan Penglihatan menggunakan Buku Teks Braille Pendidikan Seni. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal dan meneliti bahan Bacaan Braille Pendidikan Seni dalam proses PdPc Pendidikan Seni tahun satu. Pengkaji mengaplikasikan model KIPP dalam kerangka kajian. Secara keseluruhannya, buku kursus ini adalah munasabah untuk digunakan oleh murid, namun mereka memerlukan bantuan seorang pendidik yang berbakat. Dengan ini, kompetensi guru perlu dimantapkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Penilaian Pelaksanaan Program Pentaksiran Alternatif Sekolah Rendah (PASR) oleh Mohd Huzaimi et al., (2020) melibatkan 30 orang guru pendidikan khas dari 15 buah sekolah dalam Daerah Hulu Langat. Kajian ini mengaplikasikan dua konstruk iaitu dimensi input dan dimensi proses bagi mengukur perhubungan dalam pelaksanaan PASR di sekolah. Dapatan kajian mendapati bahawa tahap dimensi proses (pemantauan, penyelarasan dan sokongan pentadbiran) adalah tinggi. Selain itu, dimensi proses dan dimensi input mempunyai hubungan linear positif yang kukuh dan signifikan dalam pelaksanaan PASR.

Dalam kajian Mohd Mazhan et al., (2022) bertajuk Pelaksanaan Bidang Jawi dalam Kurikulum Pendidikan Islam: Suatu Penilaian Proses yang ditadbirkan kepada 120 orang para guru Pendidikan Islam (GPI) yang mengajar di empat buah daerah negeri Selangor. Kajian ini mengaplikasikan model KIPP tetapi hanya penilaian daripada dimensi proses sahaja. Dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan dimensi proses berada di tahap tinggi. Ini bermakna GPI telah memainkan peranan mereka sebagai pelaksana kurikulum namun mutu pelaksanaan masih boleh dipertingkatkan lagi melalui usaha optimum ke arah yang lebih baik dalam pengajaran Jawi. Hal ini sebenarnya menuntut keterbukaan dan keseriusan segenap pihak agar dapat mengupayakan dan meningkatkan nilai tambah dan kegunaan tulisan Jawi dalam kalangan generasi muda supaya tulisan Jawi tidak pupus ditelan zaman oleh ketidak cakna bangsanya sendiri.

Berikut ialah kajian lepas yang menjadi panduan kepada pengkaji untuk meletakkan peramal terbaik bagi hipotesis kajian. Kajian yang bertajuk Penilaian Kokurikulum Sukan dan Permainan Dengan Menggunakan Model KIPP oleh Ismailee

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(2015). Sebanyak lima buah sekolah menengah kebangsaan dalam daerah Kuala Terengganu Utara dijalankan kajian ini. Ia bertujuan untuk menilai keberkesanan aktiviti kokurikulum sukan dan permainan. Dapatan penyelidikan mendapati dimensi input dan dimensi proses adalah tinggi. Di samping itu, didapati dimensi input serta dimensi proses mampu secara bersama menjadi peramal kepada pengaruh keberkesanan aktiviti kurikulum sukan dan permainan di lima buah sekolah menengah kebangsaan dalam daerah Kuala Terengganu Utara.

Kajian seterusnya oleh Mohd Mazli (2018) yang bertajuk Menilai Pelaksanaan Program LINUS 2.0 Di Sekolah-sekolah Dalam Daerah Gombak. Dalam kajian ini, berdasarkan penilaian yang dijalankan dari keempat-empat dimensi model penilaian KIPP menunjukkan bahawa pelaksanaan Program LINUS 2.0 telah mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Hasil kajian merumuskan pelaksanaan program LINUS 2.0 dapat membantu meningkatkan tahap penguasaan murid dalam 3M dan juga meningkatkan kualiti PdPc guru melalui strategi pelaksanaannya. Kajian ini mendapati dimensi input dan dimensi proses peramal terbaik bagi aspek produk dalam pelaksanaan program LINUS 2.0.

Kajian seterusnya Menilai pelaksanaan Program Guru Penyayang (PGP) terhadap murid Orang Asli daerah Tapah melalui model KIPP oleh Hasniza (2019). Penemuan kajian mendapati secara amnya, tanggapan guru terhadap pelaksanaan PGP berada pada tahap sederhana hingga tinggi. Dalam kajian ini mendapati dimensi proses merupakan peramal terbaik untuk dimensi produk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya kajian yang berkaitan PBD menggunakan model KIPP. Di sini pengkaji menjadikan kajian-kajian ini sebagai panduan dalam meletakkan peramal bagi hipotesis kajian. Kajian yang bertajuk Penilaian Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dalam Kalangan Guru Sains oleh Norazilawati et al., (2015) juga mengaplikasikan model KIPP. Hasil kajian menunjukkan secara keseluruhannya tahap dimensi proses adalah tinggi manakala yang lain menunjukkan sederhana. Hipotesis kajian di mana semua faktor KIPP dengan pengalaman guru mengajar adalah diterima. Analisis temu bual mendapati responden bersetuju bahawa PBS menikmati faedah dan menyatakan terdapat sedikit kelemahan PBS namun ia boleh diselesaikan dengan idea yang telah dirangka oleh responden. Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan satu lagi komitmen kepada pendidik sains di Malaysia untuk mengusahakan pelaksanaan PBS secara lebih meluas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Noorzeliana (2016) yang bertajuk Penilaian Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dalam Kalangan Guru juga menggunakan model KIPP. Dengan sampel kajian seramai 589 orang guru yang melaksanakan PBS di 48 buah sekolah di semenanjung Malaysia dipilih untuk dijalankan kajian. Dapatan mendapati bahawa penerimaan guru (produk) dalam pelaksanaan PBS ialah perancangan sekolah dan sikap guru (proses) adalah faktor yang paling memberi sumbangan mempengaruhi pelaksanaan PBS. Dalam kajian semula ini, sejumlah lapan cadangan diketengahkan bagi memenuhi objektif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, iaitu untuk mencapai visi sistem persekolahan dan matlamat murid yang boleh menangani isu-isu negara mulai sekarang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian terkini yang dijalankan adalah Pelaksanaan Penskoran Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) bagi Kemahiran Mendengar dan Bertutur Bahasa Melayu Sekolah Rendah oleh Darayani dan Wan Muna Ruzanna (2023). Kajian ini mengadaptasi model penilaian CIPP sebagai panduan kepada pengkaji untuk meneroka kaedah pelaksanaan penskoran tahap penguasaan bagi kemahiran mendengar dan bertutur. Sampel kajian merupakan dua tenaga pengajar Bahasa Melayu sekolah rendah melibatkan dari luar bandar dan pedalaman. Dapatan keseluruhan menunjukkan terdapat perbezaan pelaksanaan pentaksiran kemahiran mendengar dan bertutur di antara guru luar bandar dan pedalaman dalam pelaksanaan PBD.

Kebanyakan kajian lepas yang menggunakan KIPP untuk menilai program adalah dalam bidang bahasa, sains, matematik dan teknologi. Sangat kurang kajian dijalankan ke atas bidang PJK menjadikan pengkaji untuk mengkaji dalam bidang PJK. Berdasarkan dapatan kajian Hasniza (2019), Mohd Mazli (2018), Ismailee (2015), Noorzeliana (2016) dan Syed Kamaruzaman (2012), pengkaji telah meletakkan dimensi proses sebagai peramal terbaik untuk dimensi produk dalam hipotesis kajian ini. Kajian lepas juga menunjukkan bahawa para pengkaji terdahulu telah memilih untuk menggunakan model Penilaian KIPP kerana mereka yakin dengan kemampuan model penilaian CIPP dalam menilai pelaksanaan sesuatu program pendidikan dengan berkesan. Jadual 2.1 menunjukkan rumusan kajian lepas yang menggunakan Model Penilaian KIPP.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.1

Rumusan kajian lepas yang menggunakan Model Penilaian KIPP

Bil	Kategori Kajian	Pengarang, tahun dan tajuk kajian	Dapatan kajian	Kaitan dengan konstruk kajian semasa
1.	Model KIPP pelbagai bidang	Syed Kamaruzaman (2012) Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Jasmani Tingkatan Empat bagi Tunjang Kecergasan Fizikal berasaskan Model Penilaian Stufflebeam	Dapatan kajian mendapati wujudnya perkaitan antara dimensi konteks, dimensi sumber, dimensi proses dan dimensi hasil dalam pelaksanaan kurikulum PJK	dimensi konteks merupakan faktor utama yang menyumbang ke atas dimensi produk
2.		Sopha dan Nanni (2019) *The CIPP Model: Applications in Language Program Evaluation*	Mendapati model CIPP adalah relevan dalam penilaian program Bahasa	Kesesuaian model dalam penilaian dengan menggunakan semua dimensi
3.		Norzuraina (2019) Penilaian KIPP dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan Murid Ketidakupayaan Penglihatan menggunakan Buku Teks Braille Pendidikan Seni	Buku Teks ini sesuai digunakan oleh murid, namun mereka memerlukan bantuan guru berkemahiran. Dengan ini kompetensi guru perlu dimantapkan.	Pengkaji mengaplikasikan model KIPP dalam kerangka kajian
4.		Mohd Huzaimi et al., (2020) Penilaian Pelaksanaan Program Pentaksiran Alternatif Sekolah Rendah (PASR)	Menunjukkan tahap dimensi proses (pemantauan, penyelarasan dan sokongan pentadbir) berada pada tahap tinggi	Mengaplikasikan dua konstruk iaitu dimensi input dan dimensi proses
5.		Mohd Mazhan et al., (2022) Pelaksanaan Bidang Jawi dalam Kurikulum Pendidikan Islam: Suatu Penilaian Proses	Peranan mereka sebagai pelaksana kurikulum namun mutu pelaksanaan masih boleh dipertingkatkan lagi melalui usaha optimum ke arah yang lebih baik dalam pengajaran Jawi adalah tinggi	Hanya penilaian daripada dimensi proses sahaja

(*bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.1 (*sambungan*)

Bil	Kategori Kajian	Pengarang, tahun dan tajuk kajian	Dapatan kajian	Kaitan dengan konstruk kajian semasa
6.	Rujukan peramal bagi hipotesis kajian	Ismailee (2015) Penilaian Kokurikulum Sukan dan Permainan Dengan Menggunakan Model KIPP	Menilai keberkesanan aktiviti kokurikulum sukan dan permainan yang dijalankan di lima buah sekolah menengah kebangsaan dalam daerah Kuala Terengganu Utara. Dapatan kajian bagi dimensi input dan proses berada pada tahap tinggi	Mendapati dimensi input dan dimensi proses mampu secara bersama menjadi peramal kepada pengaruh keberkesanan pencapaian matlamat dan objektif aktiviti-aktiviti kokurikulum.
7.		Mohd Mazli (2018) Menilai Pelaksanaan Program Linus 2.0 Di Sekolah-sekolah Dalam Daerah Gombak	Keempat-empat dimensi model penilaian KIPP didapati bahawa pelaksanaan Program LINUS 2.0 telah mencapai matlamat yang telah ditetapkan	Mendapati dimensi input dan dimensi proses merupakan peramal terbaik kepada dimensi produk dalam pelaksanaan program LINUS 2.0.
8.		Hasniza (2019) Kajian yang bertajuk Menilai pelaksanaan Program Guru Penyayang (PGP) terhadap murid Orang Asli daerah Tapah melalui model KIPP	secara keseluruhan menunjukkan persepsi guru terhadap pelaksanaan PGP berada pada tahap sederhana dan tinggi.	Dalam kajian ini mendapati dimensi proses merupakan peramal terbaik untuk dimensi produk.
9.	Kajian PBD menggunakan model KIPP	Norazilawati et al., (2015) Penilaian Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dalam Kalangan Guru Sains	Secara keseluruhan, tahap dimensi proses berada pada tahap tinggi. kajian ini memberi sumbangan baru kepada guru sains di Malaysia untuk memperbaiki pelaksanaan PBS dengan cara yang lebih menyeluruh.	Menggunakan model KIPP dalam penilaian PBS guru sains

(*bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.1 (*sambungan*)

Bil	Kategori Kajian	Pengarang, tahun dan tajuk kajian	Dapatan kajian	Kaitan dengan konstruk kajian semasa
10.		Noorzeliana (2016) Penilaian Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dalam Kalangan Guru juga menggunakan model KIPP	Dapatan menunjukkan sumbangan pemboleh ubah bersandar terhadap penerimaan guru (produk) dalam pelaksanaan PBS ialah perancangan sekolah dan sikap guru (proses) yang paling mempengaruhi pelaksanaan PBS.	Menggunakan model KIPP dalam penilaian PBS guru di Malaysia. Dimensi produk menjadi peramal terbaik untuk kajian ini.
11.		Darayani dan Wan Muna Ruzanna (2023). Pelaksanaan Penskoran Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) bagi Kemahiran Mendengar dan Bertutur Bahasa Melayu Sekolah Rendah	Terdapat perbezaan pelaksanaan pentaksiran kemahiran mendengar dan bertutur di antara guru luar bandar dan pedalaman dalam pelaksanaan PBD.	Menggunakan model CIPP sebagai panduan untuk meneroka kaedah pelaksanaan penskoran tahap penguasaan bagi kemahiran mendengar dan bertutur dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah rendah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5 Pentaksiran Bilik Darjah

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) ialah satu kaedah pentaksiran yang diperkenalkan dalam sesi pengajaran dan pemudahcaraan untuk mengukur perkembangan, kemajuan, kebolehan dan penguasaan murid terhadap matlamat kurikulum yang dihasratkan secara berterusan mengikut standard pembelajaran yang ditetapkan dalam kurikulum (Jacob & Parkinson, 2015). PBD melibatkan proses mengumpul dan menganalisis maklumat tentang pencapaian murid serta membuat refleksi yang berterusan terhadap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PdPc dalam membuat pertimbangan secara konsisten ke arah menambah baik PdPc di masa akan datang.

PBD merupakan satu transformasi semasa dalam sistem pentaksiran pendidikan negara. Pendekatan utama dalam PBD ialah pentaksiran untuk pembelajaran dan pentaksiran sebagai pembelajaran, berbanding pentaksiran sumatif yang menggunakan pendekatan pentaksiran tentang pembelajaran. PBD lebih cenderung kepada pentaksiran formatif yang merupakan satu kaedah yang diperkenalkan untuk mengukur perkembangan pembelajaran murid secara berterusan (Jacob & Parkinson, 2015). Ia adalah berbeza dengan proses sebelum ini yang berorientasikan peperiksaan yang mana hanya mengukur perkembangan pembelajaran murid di hujung proses pembelajaran.

PBD adalah bertujuan untuk menambah baik pembelajaran murid melalui pentaksiran formatif. Walau bagaimanapun, PBD juga boleh berlaku untuk melihat pencapaian atau penguasaan murid setelah selesai sesuatu tempoh pembelajaran iaitu melalui pentaksiran sumatif. Pendekatan dalam PBD adalah melibatkan pentaksiran untuk pembelajaran, pentaksiran sebagai pembelajaran, dan pentaksiran tentang pembelajaran

KPM telah memberi penekanan terhadap proses pembelajaran murid berbanding dengan gred pencapaian seseorang murid. Justeru bagi mencapai matlamat ini, penekaan telah diberikan kepada tiga aspek utama iaitu standard kandungan, standard pembelajaran dan standard prestasi. Ketiga-tiga aspek ini memerlukan guru sebagai agen pelaksana kurikulum harus mempunyai kompetensi yang tinggi terhadap tugas mengajar dan mentaksir. Hal ini kerana, peranan seorang guru bukan sahaja untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyampaikan kurikulum yang telah direka bentuk malah untuk mentaksir murid-murid sepanjang proses PdPc dijalankan. Oleh yang demikian, bagi menggalas kedua-dua tanggungjawab ini, guru perlu mempunyai pengetahuan yang mencukupi (Lane et al., 2015).

PBD dilaksanakan secara berterusan bertumpu pada aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai berpandukan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Dalam menjayakan proses pemantauan pembelajaran, sangat penting memerlukan seorang guru yang kompeten. Perkembangan murid secara berterusan dalam bilik darjah dapat dikesan melalui pentaksiran di dalam bilik darjah yang sistematik (Rafeah, 2014). Tegasnya, dalam pelaksanaan PBD, guru mentaksir murid secara meluas daripada segi kognitif, psikomotor dan afektif, sejajar dengan matlamat FPK yang menekankan kesimbangan dari aspek JERI (KPM, 2018).

PBD dijalankan sepanjang proses PdPc sepanjang tahun secara berterusan dengan menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran seperti pemerhatian, penulisan dan lisan. Hasil pelaksanaan PBD dapat menentukan tahap penguasaan bagi setiap murid dengan merujuk kepada standard prestasi yang disediakan dan pertimbangan profesional oleh guru. Tahap penguasaan dinyatakan secara eksplisit di dalam DSKP setiap mata pelajaran. Guru digalakkan untuk merekodkan perkembangan murid sama ada di dalam buku rekod mengajar, buku latihan murid, buku catatan guru, buku amali murid, folio hasil kerja murid, senarai semak, jadual atau lain-lain yang bersesuaian. Perekodan tahap penguasaan murid dalam templat pelaporan hanya dibuat setelah PdPc bagi setiap bidang, tema, kemahiran atau kelompok standard kandungan dan standard pembelajaran telah selesai dilaksanakan. Pelaporan tahap penguasaan akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dimaklumkan kepada murid dan ibu bapa sebagai maklum balas terhadap tahap pembelajaran murid untuk mengambil tindakan susulan

2.6 Pentaksiran Bilik Darjah dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Panduan utama pendidikan di Malaysia ialah berdasarkan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan. FPK digubal untuk memberi panduan atau arah tuju untuk menentukan haluan, asas dan inspirasi kepada semua usaha dan rancangan dalam bidang pendidikan. Penekanan yang diberikan untuk menjana pembangunan modal insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek sepertimana yang terkandung dalam FPK.

Selaras dengan FPK, pentaksiran di sekolah pada masa kini dikenali sebagai Pentaksiran Sekolah iaitu suatu pentaksiran yang menilai aspek kognitif (intelek), afektif (emosi dan rohani) dan psikomotor (jasmani). Oleh itu terdapat empat jenis komponen dalam PS iaitu Pentaksiran Pusat (PP), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan & Kokurikulum (PAJSK), Pentaksiran Psikometrik (PPsi) dan PBD.

PBD pula ialah pentaksiran yang berlaku secara berterusan sepanjang PdPc, bagi semua mata pelajaran termasuk PJK. PBD bukanlah untuk membandingkan tahap penguasaan antara seorang murid dengan murid yang lain, tetapi ia bertujuan untuk melihat perkembangan kemajuan murid dalam pembelajaran di samping membantu guru menambah baik pengajaran mereka. PBD juga dikatakan sebagai satu pentaksiran yang bersifat holistik, iaitu menilai aspek kognitif, afektif dan psikomotor.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7 Pentaksiran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan

Pentaksiran PJK adalah untuk menaksir dua kelompok bidang utama iaitu Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan. Dalam bidang Pendidikan Jasmani, pembelajaran berfokus kepada Bidang Kemahiran dan Bidang Kecergasan. Manakala pentaksiran Pendidikan Kesihatan pula berfokus kepada tiga aspek komponen utama iaitu Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS), Pemakanan dan Pertolongan Cemas. Justeru itu, pentaksiran bagi mata pelajaran PJK dilaksanakan sepenuhnya dalam PS iaitu melalui PBD dan PAJSK (Ujian SEGAK).

Elemen pentaksiran merupakan transformasi kurikulum KSSM. Pentaksiran dalam mata pelajaran PJK dilaksanakan secara berterusan. DSKP digunakan sebagai dokumen rasmi bagi menaksir PJK bagi memastikan standard KSSM mematuhi ekuiti dan kualiti kerana semua murid perlu diberi pendidikan yang sama dan pendidikan yang berkualiti.

Penyataan Umum Tahap Penguasaan Kurikulum Pendidikan Kesihatan Sekolah Menengah dijelaskan dalam rajah 2.2.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Mengetahui asas kesihatan fizikal, mental, emosi, sosial dan persekitaran.
2	Memahami aspek kesihatan fizikal, mental, emosi, sosial dan persekitaran.
3	Mengaplikasikan kemahiran mengurus kesihatan fizikal, mental, emosi, sosial, persekitaran dan keselamatan diri.
4	Menganalisis aspek kesihatan fizikal, mental, emosi, sosial, persekitaran dan keselamatan diri serta keluarga.
5	Menilai cara mengurus kesihatan ke arah kehidupan yang positif dan sihat melalui kemahiran kecekapan psikososial.
6	Menjana idea untuk mengadaptasi permintaan dan cabaran kehidupan harian, meningkatkan literasi kesihatan, serta mengamalkan gaya hidup sihat.

Rajah 2.2. Penyataan Umum Tahap Penguasaan Kurikulum Pendidikan Kesihatan Sekolah Menengah. Sumber Rujukan: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyataan umum tahap penguasaan Pendidikan Jasmani berdasarkan rubrik yang dijadikan sebagai panduan kepada guru untuk menilai prestasi murid seperti dalam rajah 2.3.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	**Meniru atau Melakukan Perkara Asas** Murid boleh meniru atau melakukan kemahiran asas, kemahiran pergerakan atau aktiviti kecergasan fizikal yang ditunjukkan atau tahu perkara asas tentang sesuatu kemahiran yang akan dilakukan.
2	**Memahami dan Melakukan Kemahiran atau Aktiviti** Murid boleh melakukan kemahiran pergerakan dan aktiviti kecergasan fizikal serta menyatakan pengetahuan berkaitan fakta, konsep, dan prosedur bagi sesuatu kemahiran atau aktiviti kecergasan.
3	**Mengaplikasikan dan Melakukan Kemahiran atau Aktiviti** Murid boleh mengingat semula dan mengaplikasikan pengetahuan berkaitan fakta, konsep, prinsip, prosedur, strategi, teknik, dan maklumat semasa melakukan sesuatu kemahiran atau aktiviti kecergasan.
4	**Mengaplikasikan dan Melakukan Kemahiran atau Aktiviti dengan Betul** Murid boleh mengaplikasikan pengetahuan berkaitan fakta, konsep, prinsip, prosedur, strategi, teknik dan maklumat semasa melakukan sesuatu kemahiran atau aktiviti kecergasan dengan turutan yang betul atau mengikut prosedur yang sistematik.
5	**Merancang untuk Meningkatkan Prestasi** Murid boleh merancang sesuatu aktiviti yang baharu atau mengimprovisasi berdasarkan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari untuk meningkatkan penguasaan kemahiran dan tahap kecergasan fizikal, melakukan aktiviti tersebut secara tekal, dan mempamerkan kemahiran interpersonal (kemahiran insaniah).
6	**Membuat Refleksi untuk Meningkatkan Prestasi dan Amalan Gaya Hidup Sihat** Murid boleh membuat justifikasi berdasarkan strategi untuk meningkatkan prestasi dalam kemahiran, kecergasan dan mempamerkan kemahiran interpersonal serta boleh mempraktikkan kemahiran tersebut ke arah gaya hidup sihat untuk kesejahteraan.

Rajah 2.3. Penyataan Umum Tahap Penguasaan Kurikulum Pendidikan Jasmani Sekolah Menengah. Sumber Rujukan: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.8 Pentaksiran Bilik Darjah untuk Pendidikan Jasmani dan Kesihatan

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan satu perubahan dalam pentaksiran yang telah dilakukan selaras dengan pengenalan Kurikulum Standard Sekolah Menengah pada tahun 2017. Selaras dengan perubahan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan, KPM telah memperkenalkan PBD pada tahun 2017 untuk sekolah menengah dan 2018 untuk sekolah rendah (KPM, 2018). KPM dengan kerjasama daripada Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK) dan Lembaga Peperiksaan Malaysia telah merangka satu sistem pentaksiran yang berupaya untuk mentaksir pelajar secara lebih holistik jika dibandingkan dengan peperiksaan.

Perubahan yang dialami daripada kurikulum Pendidikan Jasmani yang lama kepada yang baharu juga telah menimbulkan kesan terhadap pengajaran dan pembelajaran guru PJK di sekolah. Ini adalah kerana KSSM memberi penegasan kepada perlaksanaan kaedah PBD bagi menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih menyeronokkan. Situasi ini menyebabkan para guru perlu membuat persiapan rapi untuk setiap sesi pengajaran PJK kerana KSSM membolehkan pentaksiran itu dilakukan secara holistik dan autentik serta guru perlu melihat perkembangan dan pencapaian murid secara individu. Kenyataan ini adalah selari dengan Graham (2006), bahawa pentaksiran boleh dilaksanakan dengan pelbagai kaedah agar aktiviti pengajaran dan pembelajaran lebih bermakna dan perlu juga ditambah dengan pengurusan serta mengikut prosedur pentaksiran yang telah ditetapkan. Pelaksanaan pentaksiran dalam PJK dengan mempelbagaikan pendekatan dan teknik secara tidak langsung dapat meningkatkan kualiti pentaksiran itu sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PBD PJK tidak membandingkan murid dengan murid lain. Sebaliknya kejayaan murid diukur bersandarkan standard yang harus dicapai di sesuatu tahap pembelajaran. Secara tidak langsung melalui proses pentaksiran, tekanan ke atas murid dan guru dapat dikurangkan kerana murid tidak dibandingkan dengan kumpulan yang lebih cergas atau mahir ataupun terpaksa menunggu rakan lain yang belum menguasai sepenuhnya sesuatu kemahiran yang diajar untuk mencapai tahap penguasaan. Sekiranya pengurusan pentaksiran dilaksanakan dengan baik dan terancang pasti dapat mewujudkan persekitaran yang harmonis dalam kelas semasa proses pentaksiran perkembangan individu.

2.9 Sikap dan kesedaran guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan terhadap Pentaksiran Bilik Darjah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Guru PJK seharusnya memiliki pengetahuan, kefahaman, kemahiran dalam menghasilkan kaedah pengajaran yang sesuai dan berkesan di samping berkeupayaan dalam mengatur aktiviti-aktiviti yang sesuai dengan kemampuan dan keperluan murid dalam melaksanakan PBD. Menurut Wee (2002) pula, selain daripada untuk memberi maklum balas terhadap pembelajaran murid, penilaian juga dilaksanakan untuk menentukan keberkesanan pengajaran guru PJK. Oleh yang demikian, guru PJK dan pihak pentadbir sekolah perlu mengambil langkah yang drastik bagi memastikan aspek penilaian ini dilaksanakan pada tahap yang memuaskan di sekolah menengah terutamanya daripada aspek kecergasan fizikal.

Seorang guru PJK perlu membuat perancangan yang rapi bagi memastikan proses pelaksanaan PBD berjalan dengan berkesan. Terdapat pelbagai aspek yang perlu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dirancang oleh guru PJK. Antaranya ialah bahan sumber, kemudahan dan peralatan pengajaran. Dapatan kajian Syed Kamaruzaman dan Parawazalam (2017), mendapati bahawa guru PJK telah membuat perancangan yang baik daripada aspek sumber dan bahan, kemudahan dan peralatan pengajaran dalam pelaksanaan kurikulum PJK di sekolah menengah khususnya berkaitan dengan Kecergasan Fizikal. Sebagai guru PJK perlu membuat perancangan dalam aspek sumber dan bahan, kemudahan dan peralatan yang berkaitan dengan bidang pengajaran supaya hasil pembelajaran yang dirancang dapat dicapai.

Kajian Che Kamarudin (2018) menyumbang dapatan hubungan antara tahap pengetahuan, kesediaan dan amalan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) berdasarkan demografi terpilih dalam kalangan guru PJK sekolah rendah. Keseluruhan dapatan kajian menjelaskan bahawa pentingnya pengetahuan, kesediaan dan amalan dalam meningkatkan pengoperasian guru melaksanakan PBS masa kini.

Syed Kamaruzaman et al., (2018), dalam kajiannya mendapati bahawa tahap pelaksanaan penilaian PJK seperti Ujian Kecergasan Fizikal di sekolah menengah masih tidak menunjukkan peningkatan. Sepatutnya aspek penilaian dalam mata pelajaran PJK perlu diberi perhatian yang sewajarnya bagi mengesan perkembangan, kebolehan, kemajuan, dan pencapaian pelajar dalam bidang PJK (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1999). Selain itu, aspek penilaian juga boleh digunakan untuk memperoleh data objektif dan subjektif bagi mengukur keberkesanan program PJK (Roberts et al., 2006).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Ros Shamizawati (2019), amalan pentaksiran guru dalam PdPc PJK memberi impak yang positif kepada penilaian kendiri dan yang paling utama sikap murid terhadap pengajaran guru PJK. Kajian Amie dan Ruhizan (2019) mendapati aspek sikap guru terhadap PBD adalah pada tahap yang sederhana. Sikap guru boleh menjadi penghalang kepada guru untuk melaksanakan PBD dengan berkesan. Kajian Mohamed Faizul et al., (2019), mendapati bahawa kefahaman guru PJK berada pada tahap tinggi dalam memahami konteks yang meliputi FPK, matlamat mata pelajaran PJK, objektif dan kandungan PJK.

Kajian oleh Ong et al., (2021) yang bertajuk Persepsi Guru Pendidikan Jasmani Dan Kesihatan terhadap Mata Pelajaran PJK – Kajian Secara Kualitatif. Kajian ini berbentuk kualitatif, ia bertujuan untuk memahami persepsi guru yang mengajar mata pelajaran PJK yang terdiri daripada guru opsyen dan bukan opsyen terhadap mata pelajaran PJK di sekolah menengah. Kajian ini mendapatkan pemahaman mendalam mereka terhadap kepentingan PJK dari tiga domain utama iaitu kognitif, afektif dan psikomotor yang mempengaruhi keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan pertama kajian menunjukkan guru PJK beropsyen PJ dan bukan opsyen PJ mempunyai persepsi positif terhadap kepentingan PJK dalam pendidikan dari tiga domain. Sebaliknya, dapatan kedua kajian ini iaitu mereka yang berpersepsi negatif terhadap PJK ini berlaku di sekolah daripada aspek pengajaran dan pembelajaran, sikap pentadbir, guru dan pelajar sendiri serta kekurangan kemudahan-kemudahan yang disediakan.

Secara keseluruhannya, kefahaman guru PJK berada pada tahap tinggi (Mohamed Faizul et al., 2019). Namun, persepsi negatif terhadap PJK berlaku di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sekolah daripada aspek pengajaran dan pembelajaran, sikap pentadbir, guru dan pelajar sendiri serta kekurangan kemudahan-kemudahan yang disediakan (Ong et al., 2021). Sebagai guru PJK perlu membuat perancangan berkaitan dengan bidang pengajaran supaya hasil pembelajaran dapat dicapai (Syed Kamaruzaman & Parawazalam, 2017). Bagi Wee (2002), guru PJK dan pihak pentadbir sekolah perlu memastikan aspek penilaian ini dilaksanakan pada tahap yang terbaik. Berdasarkan rumusan ini, aspek yang sama seperti sikap, kesediaan guru, pengetahuan dan kemahiran serta latihan dan sokongan sekolah, perancangan guru serta penerimaan dan hasil perubahan serta kekangan akan dikaji untuk skop kajian ini yang mengkaji pelaksanaan PBD PJK dalam kalangan guru PJK sekolah menengah di daerah Kota Setar, Kedah.

2.10 Kajian-kajian Lepas mengenai Pentaksiran Bilik Darjah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji yang lalu berkaitan PBD. Antaranya kajian yang disediakan oleh Lai (2018) bertajuk Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah di SJKC Daerah Kulai, Johor bertujuan untuk bertujuan untuk mengenal pasti tahap pemahaman guru tentang Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dalam pelaksanaan PBS serta perbezaan tahap pemahaman guru tentang DSKP dalam pelaksanaan PBS mengikut pengalaman mengajar dan bidang mata pelajaran. Kajian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pemahaman guru tentang DSKP dalam pelaksanaan PBS mengikut pengalaman mengajar dan bidang mata pelajaran. Kajian ini juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap amalan guru dalam pelaksanaan PBS mengikut pengalaman mengajar dan bidang mata pelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya kajian Tahap Literasi Guru Terhadap Pendekatan Dalam Pentaksiran Bilik Darjah oleh Mahaya et al., (2019). Kajian ini dijalankan secara keratan rentas berpandukan soal selidik dalam talian yang dijalankan terhadap 500 orang guru di negeri Kedah bagi mengenal pasti tahap kefahaman guru terhadap pendekatan dalam PBD iaitu pentaksiran untuk pembelajaran dan pentaksiran sebagai pembelajaran. Hasil kajian menunjukkan kebanyakan guru mengutamakan pendekatan yang bertepatan dengan konsep pentaksiran bilik darjah. Keputusan analisis keseluruhan menunjukkan bahawa pentaksiran untuk pembelajaran berada di tahap yang paling tinggi. Manakala pentaksiran sebagai pembelajaran pula berada pada tahap kedua tertinggi berbanding pentaksiran tentang pembelajaran.

Berikutnya kajian oleh Sh. Siti Hauzimah (2019) bertajuk Pengetahuan, Kemahiran, Sikap Dan Masalah Guru Bahasa Melayu Dalam Melaksanakan PBD. Kajian tinjauan yang dijalankan terhadap 95 orang guru Bahasa Melayu di sekolah-sekolah pedalaman di daerah Betong, Sarawak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru telah bersedia untuk melaksanakan PBD di mana elemen pengetahuan, kemahiran dan sikap berada pada tahap tinggi. Namun begitu masalah yang dihadapi oleh guru semasa melaksanakan PBD mencatat jumlah peratusan yang tinggi. Masalah dalam pentaksiran menyebabkan pentaksiran tidak dapat dilakukan secara mendalam dan menyeluruh.

Kajian yang dijalankan oleh Tan dan Husaina Banu (2020) yang bertajuk Pentaksiran Bilik Darjah dan Prestasi Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Hulu Langat, Selangor. Kajian dijalankan untuk mengenal pasti tahap pelaksanaan PBD, sama ada pelaksanaan PBD berbeza mengikut pengalaman guru dan menganalisis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hubungan pelaksanaan PBD dan prestasi murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di daerah Hulu Langat, Selangor. Hasil kajian menunjukkan bahawa purata bagi tahap pelaksanaan PBD guru adalah tinggi. Jelaslah, guru-guru mempunyai pandangan yang optimis tentang pelaksanaan PBD kendiri kerana guru-guru menilai mereka sendiri dengan nilai yang tinggi pada ketiga-tiga peringkat pelaksanaan PBD. Namun tiada perbezaan bagi pelaksanaan PBD mengikut pengalaman mengajar guru tetapi hubungan antara pelaksanaan PBD guru dan prestasi murid berada pada tahap lemah.

Kajian oleh Nor Asimah (2020) berkaitan pelaksanaan PBD bagi mata pelajaran SRT ke atas guru SRT di negeri Kelantan mengaplikasikan *Model Stake Countenance* dengan membuat penilaian melalui fasa input, proses dan hasil. Dapatan kajian ini menunjukkan semua fasa yang dinilai berada pada tahap yang tinggi daripada segi kekangan masa. Kekangan masa merupakan kekangan utama guru dalam melaksanakan PBD SRT di samping kekangan oleh pentadbir, pelaksana iaitu guru dan murid.

Kajian Unit Penyelidikan dan PBD, Sektor Dasar dan Penyelidikan Kurikulum, Bahagian Pembangunan Kurikulum KPM (2021) yang bertajuk Kajian Pelaksanaan PBD Sekolah Rendah 2021. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti status pelaksanaan PBD di sekolah rendah dan dapatan menunjukkan ketiga-tiga aspek yang dikaji iaitu pelaksanaan PBD, pelaporan PBD dan tahap kefahaman guru terhadap PBD menunjukkan tahap yang tinggi. Dapatan ini sejajar dengan kajian oleh Ilhavenil et al. (2020) yang mendapati guru berupaya menjalankan pentaksiran melalui pelbagai aktiviti PdPc dan mengukur pencapaian murid menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Fara Izzati dan Siti Rahaimah (2021) yang bertajuk Penilaian Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah dalam kalangan Guru Matematik Sekolah Rendah mengaplikasikan model KIPP dalam kajiannya. Kajian ini berkaitan dengan pelaksanaan PBD oleh guru Matematik di sekolah rendah terhadap tahap penataran, penguasaan, kesediaan, perancangan, pelaksanaan, penerimaan dan kekangan para guru Matematik dalam melaksanakan PBD di sekolah. Secara keseluruhannya, hasil dapatan menunjukkan bahawa penilaian pelaksanaan PBD dalam kalangan guru Matematik sekolah rendah adalah pada tahap yang tinggi.

Seterusnya kajian bertajuk Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Dalam Norma Baharu: Pemimpin Pertengahan dalam Mengupayakan Pelaksanaan PBD Berasaskan Teknologi oleh Mohd Amir Shaukhi et al., (2021). Kajian ini dijalankan untuk meneroka dan memahami cara pemimpin pertengahan memainkan peranan sebagai seorang pemimpin instruksional dan seterusnya membangunkan guru-guru di sekolah untuk memastikan guru-guru dapat melaksanakan PBD dengan berkesan dengan penggunaan teknologi. Seramai lapan orang Guru Kanan Mata Pelajaran (GKMP) telah dipilih untuk menjadi peserta kajian ini. Secara keseluruhan dapatan, penyeliaan yang dilaksanakan oleh GKMP yang terlibat dalam kajian ini adalah tidak menjurus khusus kepada pelaksanaan PBD namun penyeliaan yang menyeluruh. Memandangkan PBD merupakan satu buah dasar yang terus memerlukan pemantauan serta pengukuhan dalam pelaksanaannya maka ada keperluan untuk GKMP memikirkan mekanisme yang terbaik untuk memantau dan menyelia pelaksanaan PBD terutamanya secara atas talian.

Kajian oleh Suhaila dan Mohamed Yusoff (2022) bertajuk Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah Bahasa Inggeris dan Hubungannya Dengan Komitmen Guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahasa Inggeris Di Daerah Semporna Era Norma Baharu yang bertujuan untuk mengetahui tahap pelaksanaan PBD Bahasa Inggeris dan tahap komitmen guru Bahasa Inggeris. Dapatan kajian menunjukkan komitmen guru Bahasa Inggeris berada pada tahap yang tinggi namun perlu diberi latihan yang khusus dalam pelaksanaan PBD Bahasa Inggeris agar penilaian terhadap kualiti murid bersesuaian dengan tahap pencapaian yang diperoleh. Guru juga perlu memahami dan menguasai pelaksanaan PBD agar dasar yang diwujudkan ini dapat dilestarikan bersama setaraf dengan pendidikan antarabangsa.

Kajian Ashma et al., (2022) yang bertajuk Tahap Pemahaman dan Integriti Guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah di Sekolah Rendah melibatkan seramai 103 orang guru Bahasa Melayu sebagai responden kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru Bahasa Melayu sekolah rendah mempunyai tahap pemahaman dan integriti yang tinggi dalam melaksanakan PBD di sekolah. Tahap pemahaman dan integriti yang tinggi amat diperlukan dalam memastikan pelaksanaan PBD yang dijalankan oleh setiap sekolah adalah telus dan bertanggungjawab.

Kajian berkaitan PBD terkini ialah Kesediaan Guru Dalam Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah Di Sekolah Rendah oleh Hazuriana dan Khairul (2022). Kajian ini dibuat untuk mengkaji sejauh mana kesediaan guru sekolah rendah daripada segi tahap pengetahuan dan kemahiran guru terhadap pelaksanaan PBD seperti yang dikehendaki oleh pihak KPM berdasarkan kepada himpunan kajian-kajian berkaitan dengan tahap kesediaan guru dalam melaksanakan PBD di peringkat sekolah rendah dalam pelbagai mata pelajaran. Dapatan kajian mendapati bahawa sebilangan kecil guru masih beralasan dalam pelaksanaan PBD namun keseluruhannya sudah bersedia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tentang perubahan dalam pentaksiran seperti yang diarahkan oleh KPM selaras dengan FPK.

Kajian terkini adalah oleh Ng et al., (2023) bertajuk Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Kesediaan Guru Terhadap Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Kajian tinjauan deskriptif ini dijalankan ke atas 110 orang guru sekolah rendah dari lima buah sekolah rendah kategori A Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) di daerah Kuala Lipis, Pahang. Dapatan menunjukkan kebanyakan guru bersetuju dengan tahap pengetahuan, tahap kemahiran dan tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan PBD berada pada tahap yang tinggi dalam pelaksanaan PBD. Walau bagaimanapun pelaksanaan PBD bukan satu perkara yang mudah atau dapat dilaksanakan dengan lancar oleh usaha seseorang sahaja kerana ia memerlukan kerjasama dan sokongan dari pelbagai pihak untuk hasilkan PBD yang berkualiti.

Rumusan pengkaji kajian lepas berkaitan PBD, Aniza dan Zamri (2016) mendapati bahawa pelaksanaan PBD belum mencapai matlamat sepenuhnya. Sh. Siti Hauzimah (2019) juga melanjutkan kajian dengan merumuskan bahawa banyak cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan PBD sehingga menimbulkan masalah kepada guru dalam menjalankan PBD dengan berkesan. Lantaran itu, Aniza dan Zamri (2016) mencadangkan supaya kajian berkaitan dengan PBD diperbanyakkan memandangkan PBD merupakan satu transformasi yang masih baharu di Malaysia.

Berdasarkan kajian lepas mengenai PBD, keputusan dan dapatan kajian tidak konklusif. Pelbagai isu ditemui dalam pelaksanaan PBD dalam pelbagai mata pelajaran di sekolah. Kurangnya kajian yang dijalankan dalam bidang PJK, ini mengundang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengkaji untuk menjalankan kajian pelaksanaan PBD dalam bidang PJK. Jadual 2.2 mempamerkan rumusan kajian lepas mengenai Pentaksiran Bilik Darjah.

Jadual 2.2

Rumusan kajian lepas mengenai Pentaksiran Bilik Darjah.

Bil	Pengarang, tahun dan tajuk kajian	Dapatan kajian	Kaitan dengan konstruk kajian semasa
1.	Lai (2018) Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Daerah Kulai, Johor	Tahap pemahaman guru tentang DSKP dalam pelaksanaan mengikut pengalaman mengajar dan bidang mata pelajaran.	Pengetahuan guru mengenai DSKP
2.	Mahaya et al., (2019) Tahap Literasi Guru Terhadap Pendekatan Dalam Pentaksiran Bilik Darjah	Tahap kefahaman guru terhadap pendekatan dalam PBD	Pengetahuan guru
3.	Sh. Siti Huzaimah (2019) Pengetahuan, Kemahiran, Sikap Dan Masalah Guru Bahasa Melayu Dalam Melaksanakan PBD	Dapatan kajian mendapati bahawa guru telah bersedia untuk melaksanakan PBD dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap berada pada tahap tinggi.	Pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dalam pelaksanaan PBD
4.	Tan dan Husaina Banu (2020) Pentaksiran Bilik Darjah dan Prestasi Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Hulu Langat, Selangor	Kajian dijalankan untuk mengenal pasti tahap pelaksanaan PBD	Penerimaan guru ke atas perlaksanaan PBD
5.	Nor Asimah (2020) Penilaian Pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT sekolan menengah harian di Negeri Kelantan	Penilaian pelaksanaan PBD SRT dalam tiga fasa iaitu input, proses dan hasil pada tahap yang tinggi. Kekangan masa merupakan faktor utama dalam pelaksanaan PBD SRT.	Kekangan guru
6.	Unit Penyelidikan dan PBD, Sektor Dasar dan Penyelidikan Kurikulum, Bahagian Pembangunan Kurikulum KPM (2021) Kajian Pelaksanaan PBD Sekolah Rendah 2021	Dapatan menunjukkan ketiga-tiga aspek yang dikaji iaitu pelaksanaan PBD, pelaporan PBD dan tahap kefahaman guru terhadap PBD berada pada tahap yang tinggi	Mengkaji pelaksanaan PBD tentang pelaksanaan PBD, pelaporan PBD dan tahap kefahaman guru terhadap PBD

(*bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.2 (*sambungan*)

Bagi item B3 iaitu PBD menyumbang kepada pembelajaran murid yang berkesan, hampir separuh responden bersetuju (49.5%) manakala 26% tidak bersetuju dan 24.5% memilih tidak pasti. 41.5% orang responden telah bersetuju dengan item B4 iaitu PBD meningkatkan kualiti Pendidikan negara dan 29.5% tidak bersetuju manakala selebihnya 29% masih tidak pasti. Item B5 berkaitan PBD membantu memperkembangkan potensi murid secara menyeluruh menunjukkan lebih separuh responden (56.5%) bersetuju dengan penyataan ini dan 25% memilih tidak pasti dan 18.5% tidak bersetuju.

Julat min bagi subkonstruk ini ialah 3.04 hingga 3.48. Secara keseluruhan skor min bagi tahap kerelevanan PBD dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam pelaksanaan PBD PJK ialah min = 3.25, sp = .83. Nilai skor ini berada pada tahap sederhana bagi interpretasi min berdasarkan adaptasi dari Pallant (2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2

Tahap Dimensi Konteks (tahap kesediaan guru PJK) dalam Pelaksanaan PBD PJK

BIL	ITEM	JUMLAH DAN PERATUSAN (%)					MIN	SP
		STB	TB	TP	S	SS		
B6	Saya tahu bahawa kriteria PBD berdasarkan arahan dalam buku Panduan Pelaksanaan PBD yang disediakan oleh KPM.	0 0%	8 4%	30 15%	122 61%	40 20%	3.97	.72
B7	Saya tahu pelaksanaan PBD dapat membantu meningkatkan pencapaian murid.	2 1%	31 15.5%	52 26%	95 47.5%	20 10%	3.50	.91
B8	Saya tahu PBD mengubah kaedah sistem pengujian daripada ujian pencapaian kepada ujian kebolehan murid.	3 1.5%	19 9.5%	41 20.5%	109 54.5%	28 14%	3.70	.88
B9	Saya tahu dalam melaksanakan PBD, pihak sekolah dikehendaki menguruskan dokumen masing- masing.	0 0%	6 3%	26 13%	124 62%	44 22%	4.03	.67
B10	Saya tahu sekolah wajib melaksanakan PBD bagi semua mata pelajaran mulai 2017.	6 3%	45 22.5%	35 17.5%	102 51%	12 6%	4.02	.74
	KESELURUHAN ITEM						**3.84**	**.58**

Nota,STS= sangat tidak setuju, TS= tidak setuju, TP= tidak pasti, S= setuju, SS= sangat setuju

Jadual 4.2 mempamerkan tahap dimensi konteks berkaitan dengan tahap kesediaan guru PJK dalam pelaksanaan PBD PJK. Responden kebanyakan bersetuju (81%) dengan item B6 berkaitan guru tahu kriteria PBD berdasarkan arahan dalam buku panduan perlaksanaan PBD yang disediakan oleh KPM di mana 15% orang responden menjawab tidak pasti dan hanya 4% yang tidak bersetuju. Bagi item B7 pula separuh responden bersetuju iaitu 57.5% berkaitan guru tahu pelaksanaan PBD dapat membantu meningkatkan pencapaian murid, 26% tidak pasti dan baki ialah 16.5% tidak bersetuju. Seterusnya item B8, didapati 68.5% orang responden bersetuju bahawa guru tahu PBD mengubah kaedah sistem pengujian daripada ujian pencapaian kepada ujian kebolehan murid dan 20.5% tidak pasti selebihnya 11% tidak bersetuju.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi item B9 iaitu Saya tahu dalam melaksanakan PBD, pihak sekolah dikehendaki menguruskan dokumen masing-masing, seramai 168 (84%) orang responden bersetuju manakala 13% memberi respons tidak pasti dan 3% tidak bersetuju. 57% orang responden bersetuju dengan item B10 berkaitan guru tahu sekolah wajib melaksanakan PBD bagi semua mata pelajaran mulai 2017, manakala masih ada 17.5% tidak pasti dan 25.5% tidak bersetuju dengan penyataan ini.

Julat min bagi subkonstruk dimensi konteks yang kedua ialah 3.50 hingga 4.03. Secara keseluruhan skor min bagi tahap kesediaan guru PJK dalam pelaksanaan PBD PJK ialah min = 3.84, sp = .58. Berdasarkan interpretasi skor min adaptasi dari Pallant (2020) menunjukkan nilai skor ini berada pada tahap tinggi. Ini bermakna tahap kesediaan guru PJK adalah tinggi dalam pelaksanaan PBD PJK.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3

Tahap Dimensi Konteks (sikap guru PJK) dalam Pelaksanaan PBD PJK

BIL	ITEM	JUMLAH DAN PERATUSAN (%)					MIN	SP
		STB	TB	TP	S	SS		
B11	Saya berkemampuan untuk melaksanakan PBD dengan baik.	2 1%	16 8%	49 24.5%	116 58%	17 8.5%	3.65	.79
B12	Saya bersedia membantu rakan sejawat yang menghadapi masalah berkaitan PBD PJK.	0 0%	8 4%	38 19%	119 59.5%	35 17.5%	3.91	.72
B13	Saya gembira untuk mengikuti latihan berkaitan PBD PJK.	2 1%	16 8%	46 23%	109 54.5%	27 13.5%	3.72	.84
B14	Saya suka meneroka perkembangan terkini berkaitan PBD PJK.	2 1%	14 7%	53 26.5%	106 53%	25 12.5%	3.69	.82
KESELURUHAN ITEM							**3.74**	**.63**

Nota,STS= sangat tidak setuju, TS= tidak setuju, TP= tidak pasti, S= setuju, SS= sangat setuju

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3 mempamerkan tahap dimensi konteks daripada aspek sikap guru PJK terhadap pelaksanaan PBD PJK. Bagi item B11 hanya 66.5% orang responden bersetuju mengenai kemampuan untuk melaksanakan PBD dengan baik manakala 24.5% menjawab tidak pasti dan bakinya 9% adalah tidak bersetuju. Bagi item B12 iaitu guru bersedia membantu rakan sejawat yang menghadapi masalah berkaitan PBD PJK, didapati 77% orang responden bersetuju berbanding tidak setuju 4% dan selebihnya tidak pasti 19%.

Bagi item B13 iaitu guru gembira untuk mengikuti latihan berkaitan PBD PJK pula, responden bersetuju ialah 68% manakala 9% tidak bersetuju dan 23% memilih tidak pasti. Item B14 berkaitan guru suka meneroka perkembangan terkini berkaitan PBD PJK menunjukkan lebih separuh responden (65.5%) bersetuju dengan item ini dan 26.5% memilih tidak pasti dan 8% tidak bersetuju.

Julat min bagi subkonstruk ini ialah 3.65 hingga 3.91. Secara keseluruhan skor min bagi tahap sikap guru PJK terhadap pelaksanaan PBD PJK ialah min = 3.74, sp = .63. Nilai skor ini berada pada tahap tinggi bagi interpretasi min berdasarkan adaptasi dari Pallant (2020). Ini menunjukkan guru mempunyai tahap sikap yang tinggi dalam melaksanakan PBD PJK.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4

Rumusan Skor Min dan Interpretasi bagi Dimensi Konteks

Konstruk	Sub Konstruk	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Dimensi Konteks	a. Kerelevanan PBD dengan FPK	3.25	.83	Sederhana
	b. Tahap kesediaan guru PJK dalam pelaksanaan PBD	3.84	.57	Tinggi
	c. Sikap guru PJK dalam pelaksanaan PBD	3.74	.63	Tinggi
	Keseluruhan Dimensi Produk	**3.61**	**.58**	**Sederhana**

Jadual 4.4 menunjukkan rumusan skor min dan interpretasi bagi subkontruk dan keseluruhan konstruk dimensi konteks. Julat skor bagi konstruk ini adalah antara 3.25 hingga 3.84 di mana skor min terendah adalah subkonstruk kerelevanan PBD dengan FPK dan yang tertinggi adalah subkonstruk tahap kesediaan guru PJK dalam perlaksanaan PBD. Skor min keseluruhan bagi tahap dimensi konteks dalam pelaksanaan PBD PJK ialah 3.61 dan berada pada tahap sederhana.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.2 Dimensi Input

Persoalan kajian 2. Apakah tahap dimensi input (pengetahuan guru PJK, kemahiran guru PJK menjalankan PBD serta latihan dan sokongan sekolah) dalam pelaksanaan PBD PJK?

Jadual 4.5

Tahap Dimensi Input (pengetahuan guru PJK,) dalam Pelaksanaan PBD PJK

BIL	ITEM	JUMLAH DAN PERATUSAN (%)					MIN	SP
		STB	TB	TP	S	SS		
C1	Saya tahu membina instrumen untuk mentaksir pembelajaran murid.	2 1%	17 8.5%	52 1 26%	115 57.5%	14 7%	3.61	.78
C2	Saya tahu menentukan kaedah PBD yang mengukur hasil pembelajaran yang ingin dicapai bagi mata pelajaran PJK.	2 1%	11 5.5%	54 27%	117 58.5%	16 8%	3.67	.74
C3	Saya tahu menguruskan evidens PBD.	2 1%	13 6.5%	38 19%	132 66%	15 7.5%	3.73	.74
C4	Pengetahuan saya terhadap PBD PJK meningkat setelah merujuk Buku Panduan Pengurusan dan Pengendalian PBD yang disediakan oleh KPM.	0 0%	8 4%	43 21.5%	129 64.5%	20 10%	3.81	.66
C5	Pengetahuan saya terhadap PBD P J K meningkat setelah merujuk Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang disediakan oleh KPM.	1 0.5%	9 4.5%	37 18.5%	130 65%	23 11.5%	3.83	.70
C6	Pengetahuan saya terhadap PBD P J K meningkat setelah merujuk Manual Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS) yang disediakan oleh KPM.	0 0%	9 4.5%	50 25%	118 59%	23 11.5%	3.78	.70
	KESELURUHAN ITEM						**3.74**	**.57**

Nota,STS= sangat tidak setuju, TS= tidak setuju, TP= tidak pasti, S= setuju, SS= sangat setuju

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.5 mempamerkan tahap dimensi input daripada aspek pengetahuan guru PJK dalam perlaksanaan PBD PJK. Bagi item C1 sebanyak 64.5% orang responden bersetuju mengenai saya tahu membina instrumen untuk mentafsir pembelajaran murid berbanding 9.5% tidak setuju dan selebihnya 26% menjawab tidak pasti. Bagi item C2 iaitu saya tahu menentukan kaedah PBD yang mengukur hasil pembelajaran yang ingin dicapai bagi mata pelajaran PJK, didapati responden bersetuju sebanyak 66.5% manakala 6.5% tidak setuju dan 27% tidak pasti.

Bagi item C3 iaitu saya tahu menguruskan eviden PBD, lebih separuh responden bersetuju (73.5%) dan 7.5% tidak bersetuju dan 19% menyatakan tidak pasti. Sebanyak 74.5% orang responden telah bersetuju dengan item C4 iaitu pengetahuan saya terhadap PBD PJK meningkatkan setelah merujuk Buku Panduan Pengurusan dan Pengendalian PBD yang disediakan oleh KPM dan 4% tidak bersetuju manakala selebihnya 21.5% masih tidak pasti.

Item C5 mengenai pengetahuan saya terhadap PBD PJK meningkat setelah merujuk DSKP yang disediakan oleh KPM menunjukkan lebih separuh responden (76.5%) bersetuju dengan item ini dan 18.5% memilih tidak pasti dan terdapat 5% menyatakan tidak bersetuju. Bagi item C6 iaitu pengetahuan saya terhadap PBD PJK meningkat setelah merujuk Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah yang disediakan oleh KPM mendapati 70.5% orang responden bersetuju berbanding 4.5% tidak bersetuju dan terdapat 25% orang responden tidak pasti.

Julat min bagi subkonstruk ini ialah 3.61 hingga 3.83. Nilai min terendah ialah Item C1 ialah saya tahu membina instrumen untuk mentafsir pembelajaran murid dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

nilai min tertinggi adalah pada item C5 berkaitan pengetahuan saya PBD PJK meningkat setelah merujuk DSKP yang disediakan oleh KPM. Secara keseluruhan skor min bagi tahap pengetahuan guru PJK dalam perlaksanaan PBD PJK ialah min = 3.74, sp = .57. Tahap interpretasi min bagi skor ini berada pada tahap tinggi berdasarkan adaptasi dari Pallant (2020).

Jadual 4.6

Tahap Dimensi Input (kemahiran guru PJK) dalam Pelaksanaan PBD PJK

BIL	ITEM	JUMLAH DAN PERATUSAN (%)					MIN	SP
		STB	TB	TP	S	SS		
C7	Saya menyediakan Rancangan Pelajaran Harian (RPH) yang mengandungi aktiviti pentaksiran.	0 0%	7 3.5%	24 12%	134 67%	35 17.5%	3.99	.66
C8	Saya menentukan kaedah pentaksiran yang bersesuaian untuk mengukur hasil pembelajaran.	0 0%	4 2%	27 13.5%	145 72.5%	24 12%	3.95	.58
C9	Saya mahir mentaksir eviden murid.	1 0.5%	7 3.5%	62 31%	119 59.5%	11 5.5%	3.66	.66
C10	Saya memberi skor yang tepat selaras dengan prestasi ditunjukkan murid.	1 0.5%	8 4%	55 27.5%	117 58.5%	19 9.5%	3.73	.71
C11	Penskoran saya diverifikasi dan ditandatangani oleh pihak pentadbir sekolah.	1 0.5%	8 4%	32 16%	129 64.5%	30 15%	3.90	.71
C12	Saya sentiasa berbincang dengan rakan sejawat berkaitan PBD PJK.	0 0%	10 5%	33 16.5%	129 64.5%	28 14%	3.88	.70
C13	Saya menyediakan rekod prestasi murid sebelum melaksanakan PBD PJK di sekolah.	0 0%	8 4%	35 17.5%	133 66.5%	24 12%	3.87	.66
C14	Saya menyediakan fail untuk menyimpan rekod prestasi sebelum melaksanakan PBD PJK di sekolah.	0 0%	6 3%	39 19.5%	127 63.5%	28 14%	3.89	.67
C15	Saya berbincang dengan guru PJK yang lain tentang aktiviti PBD yang hendak dijalankan.	0 0%	11 5.5%	36 18%	131 65.5%	22 11%	3.82	.69
	KESELURUHAN ITEM						**3.85**	**.49**

Nota,STS= sangat tidak setuju, TS= tidak setuju, TP= tidak pasti, S= setuju, SS= sangat setuju

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.6 mempamerkan tahap dimensi input berkaitan dengan tahap kemahiran guru PJK dalam pelaksanaan PBD PJK. 84.5% orang responden bersetuju dengan item C7 berkaitan penyediaan RPH yang mengandungi aktiviti pentaksiran di mana 12% orang responden menjawab tidak pasti dan hanya 3.5% yang tidak bersetuju. Bagi item C8 pula responden bersetuju iaitu 84.5% berkaitan saya menentukan kaedah pentaksiran yang bersesuaian untuk mengukur hasil pembelajaran, 13.5% tidak pasti dan baki sebanyak 2% tidak bersetuju.

Seterusnya item C9, didapati 65% orang responden bersetuju menyatakan saya mentaksir eviden murid dan 31% tidak pasti selebihnya 4% tidak bersetuju. Bagi item C10 iaitu saya memberi skor yang tepat selaras dengan prestasi ditunjukkan murid, seramai 136 (68%) orang responden bersetuju manakala 27.5% memberi respons tidak pasti dan 4.5% tidak bersetuju. Seterusnya item C11 berkaitan penskoran saya di verifikasi dan ditandatangani oleh pihak sekolah, 79.5% orang responden bersetuju manakala masih ada 16% tidak pasti dan 4.5% tidak bersetuju dengan penyataan ini.

Item C12 iaitu saya sentiasa berbincang dengan rakan sejawat berkaitan PBD PJK menunjukkan responden yang bersetuju ialah 78.5% di samping 16.5% masih tidak pasti dan 5% menyatakan tidak setuju. Untuk item C13 berkaitan saya menyediakan rekod prestasi murid sebelum melaksanakan PBD PJK di sekolah, 78.5% orang responden memberi respons bersetuju, 17.5% masih tidak pasti dan baki 4% menyatakan tidak setuju.

Beralih ke item C14 iaitu saya menyediakan fail untuk menyimpan rekod prestasi sebelum melaksanakan PBD PJK di sekolah, data mempamerkan 77.5% orang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

responden bersetuju dengan item ini, manakala 19.5% memberi respons tidak pasti dan 3% tidak bersetuju. Item terakhir dalam subkonstruk ini (C15) iaitu saya berbincang dengan guru PJK yang lain tentang aktiviti PBD yang hendak dijalankan mendapat 76.5% respons bersetuju dan selebihnya 18% masih tidak pasti serta 5.5% tidak bersetuju.

Julat min bagi subkonstruk dimensi input yang kedua ialah 3.66 hingga 3.99. Untuk subkonstruk ini, nilai skor min tertinggi adalah item C7 iaitu saya menyediakan RPH yang mengandungi aktiviti pentaksiran dan skor min terendah adalah item C9 iaitu saya mahir mentaksir eviden murid.

Secara keseluruhan skor min bagi tahap kemahiran guru PJK dalam pelaksanaan PBD PJK ialah min = 3.85, sp = .49. Berdasarkan interpretasi skor min adaptasi dari Pallant (2020) menunjukkan nilai skor ini berada pada tahap tinggi. Ini bermakna tahap kemahiran guru PJK adalah tinggi dalam pelaksanaan PBD PJK.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.7

Tahap Dimensi Input (latihan dan sokongan sekolah) dalam Pelaksanaan PBD PJK

BIL	ITEM	JUMLAH DAN PERATUSAN (%)					MIN	SP
		STB	TB	TP	S	SS		
C16	Jawatankuasa Induk PBD di sekolah saya banyak memberi pendedahan dan latihan untuk meningkatkan kefahaman guru bagi melaksanakan PBD PJK.	1 0.5%	17 8.5%	42 21%	114 57%	26 13%	3.74	.81
C17	Kemudahan internet yang baik di sekolah membantu saya dalam pelaksanaan PBD PJK.	14 7%	40 20%	48 24%	86 43%	12 6%	3.21	1.05
C18	Rakan sejawat membantu saya dalam melaksanakan PBD.	0 0%	10 5%	36 18%	130 65%	24 12%	3.84	.69
C19	Pentadbir sekolah menggalakkan saya mengikuti taklimat berkaitan PBD PJK yang dianjurkan oleh pihak PPD dan JPN.	0 0%	11 5.5%	39 19.5%	126 63%	24 12%	3.82	.71
KESELURUHAN ITEM							**3.65**	**.61**

Nota,STS= sangat tidak setuju, TS= tidak setuju, TP= tidak pasti, S= setuju, SS= sangat setuju

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.7 mempamerkan tahap dimensi input daripada aspek latihan dan sokongan sekolah terhadap pelaksanaan PBD PJK. Terdapat empat item soalan dalam subkonstruk ini. Item pertama iaitu C16, seramai 140 (70%) orang responden bersetuju menyatakan Jawatankuasa Induk PBD di sekolah saya banyak memberikan pendedahan dan latihan untuk meningkatkan kefahaman guru bagi melaksanakan PBD PJK manakala 21% menjawab tidak pasti dan bakinya 9% adalah tidak bersetuju.

Bagi item C17 iaitu kemudahan internet yang baik di sekolah membantu saya dalam perlaksanaan PBD PJK, didapati hanya 49% orang responden bersetuju berbanding tidak setuju 27% dan selebihnya tidak pasti 24%. Item C18 iaitu rakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sejawat membantu saya dalam melaksanakan PBD PJK pula, 77% orang responden bersetuju berbanding 18% tidak pasti dan hanya 5% memilih tidak bersetuju.

Item terakhir iaitu C19 berkaitan pentadbir sekolah menggalakkan saya mengikuti taklimat berkaitan PBD PJK yang dianjurkan oleh pihak PPD dan JPN menunjukkan 75% orang responden bersetuju dengan item ini,19.5% tidak pasti dan 5.5% tidak bersetuju.

Julat min bagi subkonstruk ini ialah 3.21 hingga 3.84. Untuk subkonstruk ini, nilai skor min terendah adalah item C17 iaitu kemudahan internet yang baik di sekolah membantu saya dalam perlaksanaan PBD PJK dan skor min tertinggi adalah item C18 iaitu rakan sejawat membantu saya dalam melaksanakan PBD PJK. Secara keseluruhan skor min bagi tahap latihan dan sokongan sekolah terhadap pelaksanaan PBD PJK ialah min = 3.65, sp = .61 di mana nilai skor ini berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan tahap untuk subkonstruk latihan dan sokongan sekolah dalam melaksanakan PBD PJK adalah sederhana.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.8

Rumusan Skor Min dan Interpretasi bagi Dimensi Input

Konstruk	Subkonstruk	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Dimensi Input	a. Pengetahuan guru PJK menjalankan PBD	3.74	.57	Tinggi
	b. Kemahiran guru PJK menjalankan PBD	3.85	.49	Tinggi
	c. Latihan dan sokongan sekolah	3.65	.61	Sederhana
	Keseluruhan Dimensi Produk	**3.75**	**.49**	**Tinggi**

Jadual 4.8 mempamerkan rumusan skor min dan interpretasi bagi subkontruk dan keseluruhan konstruk dimensi input. Julat skor bagi konstruk ini adalah antara 3.65 hingga 3.85 di mana skor min terendah adalah subkonstruk latihan dan sokongan sekolah dan yang tertinggi adalah subkonstruk tahap kemahiran guru PJK dalam perlaksanaan PBD. Skor min keseluruhan bagi tahap dimensi input dalam pelaksanaan PBD PJK ialah 3.75 dan berada pada tahap tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.3 Dimensi Proses

Persoalan kajian 3. Apakah tahap dimensi proses (perancangan, strategi pengajaran dan pembelajaran serta kaedah guru PJK menjalankan PBD untuk menilai hasil kerja murid) dalam pelaksanaan PBD PJK?

Jadual 4.9

Tahap Dimensi Proses (perancangan guru PJK) dalam Pelaksanaan PBD PJK

BIL	ITEM	JUMLAH DAN PERATUSAN (%)					MIN	SP
		STB	TB	TP	S	SS		
D1	Saya merujuk DSKP semasa merancang PBD PJK.	0 0%	4 2%	16 8%	140 70%	40 20%	4.08	.60
D2	Saya memastikan item instrumen mencakupi isi kandungan topik yang diajar.	0 0%	4 2%	27 13.5%	130 65%	39 19.5%	4.02	.64
D3	Saya menentukan kaedah pentaksiran yang sesuai untuk mengukur hasil pembelajaran yang ditetapkan.	0 0%	3 1.5%	28 14%	139 69.5%	30 15%	3.98	.59
KESELURUHAN ITEM							**4.03**	**.54**

Nota,STS= sangat tidak setuju, TS= tidak setuju, TP= tidak pasti, S= setuju, SS= sangat setuju

Jadual 4.9 mempamerkan tahap dimensi proses daripada aspek perancangan guru PJK dalam pelaksanaan PBD PJK. Terdapat tiga item soalan dalam subkonstruk ini. Hampir keseluruhan responden iaitu 90% bersetuju dengan item D1 iaitu saya merujuk DSKP semasa merancang PBD PJK selebihnya 8% menjawab tidak pasti dan 2% memberi respons tidak bersetuju. Bagi item D2 iaitu saya memastikan item instrumen mencakupi isi kandungan topik yang diajar memperoleh 84.5% orang responden bersetuju berbanding tidak setuju 2% dan selebihnya tidak pasti sebanyak 13.5%.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Item D3 iaitu saya menentukan kaedah pentaksiran yang sesuai untuk mengukur hasil pembelajaran yang ditetapkan menunjukkan 74.5% orang responden bersetuju dengan item ini selebihnya 14% menyatakan tidak pasti dan 1.5% tidak bersetuju.

Julat min bagi subkonstruk ini ialah 3.98 hingga 4.08. Untuk subkonstruk ini, nilai skor min terendah adalah item D3 dan skor min tertinggi adalah item D1. Secara keseluruhan skor min bagi tahap perancangan guru PJK dalam pelaksanaan PBD PJK ialah min = 4.03, sp = .54 di mana nilai skor ini berada pada tahap interpretasi tinggi. Ini menunjukkan tahap untuk subkonstruk perancangan guru PJK dalam melaksanakan PBD PJK adalah tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.10

Tahap Dimensi Proses (strategi pengajaran dan pembelajaran guru PJK) dalam Pelaksanaan PBD PJK

BIL	ITEM	JUMLAH DAN PERATUSAN (%)					MIN	SP
		STB	TB	TP	S	SS		
D4	Saya sentiasa menilai pemahaman murid secara berterusan dalam melaksanakan PBD PJK.	0 0%	2 1%	33 16.5%	138 69%	27 13.5%	3.95	.58
D5	Saya melaksanakan bimbingan kepada murid yang belum menguasai standard pembelajaran.	0 0%	7 3.5%	33 16.5%	134 67%	26 13%	3.90	.65
D6	Saya menyediakan pelaporan pentaksiran murid secara formatif dan sumatif.	0 0%	6 3%	37 18.5%	130 65%	27 13.5%	3.89	.66
D7	Sepanjang melaksanakan PBD PJK saya memastikan instrumen digunakan memiliki kesahan dan kebolehpercayaan yang baik.	1 0.5%	3 1.5%	44 22%	129 64.5%	23 11.5%	3.85	.65
D8	Saya memaklumkan kepada murid bila pentaksiran akan dijalankan.	1 0.5%	12 6%	28 14%	124 62%	35 17.5%	3.90	.77
D9	Saya menggredkan tahap penguasaan dan hasil kerja murid berdasarkan sukatan pelajaran PJK	0 0%	2 1%	27 13.5%	139 69.5%	32 16%	4.01	.58
D10	Saya memaklumkan hasil keputusan pentaksiran kepada murid dan ibu bapa/ penjaga.	0 0%	7 3.5%	33 16.5%	123 61.5%	37 18.5%	3.95	.70
	KESELURUHAN ITEM						**3.92**	**.51**

Nota,STS= sangat tidak setuju, TS= tidak setuju, TP= tidak pasti, S= setuju, SS= sangat setuju

Jadual 4.10 mempamerkan tahap dimensi proses daripada aspek strategi pengajaran dan pembelajaran guru PJK dalam perlaksanaan PBD PJK. Bagi item D4 sebanyak 82.5% orang responden bersetuju dengan item saya sentiasa menilai pemahaman murid secara berterusan dalam melaksanakan PBD PJK berbanding 1% tidak setuju dan selebihnya 16.5% menjawab tidak pasti. Bagi item D5 iaitu saya melaksanakan bimbingan kepada murid yang belum menguasai standard pembelajaran,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

didapati responden bersetuju sebanyak 80% manakala 3.5% tidak setuju dan 16.5% tidak pasti.

Bagi item D6 iaitu menyediakan pelaporan pentaksiran murid secara formatif dan sumatif, lebih separuh responden bersetuju (78.5%) berbanding 3% tidak bersetuju dan 18.5% menyatakan tidak pasti. Sebanyak 76% orang responden telah bersetuju dengan item D7 iaitu sepanjang melaksanakan PBD PJK saya memastikan instrumen digunakan memiliki kesahan dan kebolehpercayaan yang baik dan 2% tidak bersetuju manakala selebihnya 22% masih tidak pasti.

Item D8 iaitu saya memaklumkan kepada murid bila pentaksiran akan dijalankan menunjukkan lebih separuh responden (79.5%) bersetuju dengan item ini dan 14% memilih tidak pasti dan terdapat 6.5% menyatakan tidak bersetuju. Bagi item D9 iaitu saya menggredkan tahap penguasaan dan hasil kerja murid berdasarkan sukatan pelajaran PJK mendapati 85.5% orang responden bersetuju manakala 1% tidak bersetuju dan selebihnya 13.5% orang responden memilih tidak pasti. Item terakhir dalam subkonstruk ini iaitu D10 berkaitan saya memaklumkan hasil keputusan pentaksiran kepada murid dan ibu bapa atau penjaga menunjukkan 80% orang responden bersetuju dengan item ini selain 16.5% tidak pasti dan 3.5% tidak bersetuju.

Julat min bagi subkonstruk ini ialah 3.85 hingga 4.01. Nilai min terendah ialah Item D7 iaitu sepanjang melaksanakan PBD PJK saya memastikan instrumen digunakan memiliki kesahan dan kebolehpercayaan yang baik dan nilai min tertinggi adalah pada item D9 iaitu saya menggredkan tahap penguasaan dan hasil kerja murid berdasarkan sukatan pelajaran PJK. Secara keseluruhan skor min bagi tahap strategi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengajaran dan pembelajaran guru PJK dalam perlaksanaan PBD PJK ialah min = 3.92, sp = .51. Tahap interpretasi min bagi skor ini berada pada tahap tinggi berdasarkan adaptasi dari Pallant (2020).

Jadual 4.11

Tahap Dimensi Proses (kaedah guru PJK menjalankan PBD untuk menilai hasil kerja murid) dalam Pelaksanaan PBD PJK

BIL	ITEM	JUMLAH DAN PERATUSAN (%)					MIN	SP
		STB	TB	TP	S	SS		
D11	Saya mentaksir setelah selesai mengajar setiap topik.	0 0%	10 5%	30 15%	137 68.5%	23 11.5%	3.87	.67
D12	Saya mentaksir kefahaman murid mengikut keupayaan mereka.	1 0.5%	6 3%	28 14%	141 70.5%	24 12%	3.91	.65
D13	Saya meneruskan aktiviti pengajaran dengan tajuk yang baharu sekiranya murid telah mencapai standard yang ditetapkan.	0 0%	13 6.5%	29 14.5%	133 66.5%	25 12.5%	3.85	.71
D14	Saya dapat menerangkan kriteria pemarkahan PBD PJK kepada murid dengan baik.	1 0.5%	3 1.5%	41 21%	130 65%	24 12%	3.87	.65
D15	Saya membuat sesi pemulihan untuk membimbing murid yang tidak mencapai standard yang ditetapkan.	1 0.5%	10 5%	38 19%	132 66%	19 9.5%	3.79	.70
	KESELURUHAN ITEM						**3.86**	**.53**

Nota,STS= sangat tidak setuju, TS= tidak setuju, TP= tidak pasti, S= setuju, SS= sangat setuju

Jadual 4.11 berkaitan dengan tahap dimensi proses daripada aspek kaedah guru PJK menjalankan PBD untuk menilai hasil kerja murid dalam pelaksanaan PBD PJK. Bagi item D11, responden bersetuju saya mentaksir setelah selesai mengajar setiap topik sebanyak 80% manakala 15% menjawab tidak pasti dan bakinya 5% menjawab tidak bersetuju. Bagi item D12 iaitu saya mentaksir kefahaman murid mengikut keupayaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mereka, didapati 82.5% orang responden bersetuju berbanding tidak setuju 3.5% dan selebihnya memilih tidak pasti iaitu 14%.

Selanjutnya item D13 iaitu saya meneruskan aktiviti pengajaran dengan tajuk yang baharu sekiranya murid telah mencapai standard yang ditetapkan, ramai responden bersetuju ialah 79% manakala 6.5% tidak bersetuju dan 14.5% memilih tidak pasti. Untuk item D14 berkaitan saya dapat menerangkan kriteria pemarkahan PBD PJK kepada murid dengan baik menunjukkan 77% orang responden menjawab bersetuju dengan item ini berbanding 21% memilih tidak pasti dan 2% tidak bersetuju. Sebanyak 75.5% orang responden telah bersetuju dengan item D15 iaitu saya membuat sesi pemulihan untuk membimbing murid yang tidak mencapai standard yang ditetapkan dan 5.5% tidak bersetuju manakala selebihnya 19% memberi respons tidak pasti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Julat min bagi subkonstruk ini ialah 3.79 hingga 3.91. Secara keseluruhan skor min bagi subkontruk kaedah guru PJK menjalankan PBD untuk menilai hasil kerja murid dalam pelaksanaan PBD PJK ialah min = 3.86, sp =.53. Nilai skor ini berada pada tahap tinggi bagi interpretasi min berdasarkan adaptasi dari Pallant (2020). Ini menunjukkan tahap kaedah guru menjalankan PBD untuk menilai hasil kerja murid adalah tinggi dalam melaksanakan PBD PJK.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.12

Rumusan Skor Min dan Interpretasi bagi Dimensi Proses

Konstruk	Subkonstruk	Min	Sisihan Piawai	Interprestasi
Dimensi Proses	a. Perancangan guru dalam pelaksanaan PBD	4.03	.54	Tinggi
	b. Strategi pengajaran dan pemudahcaraan guru dalam pelaksanaan PBD	3.92	.51	Tinggi
	c. Kaedah guru PJK menjalankan PBD untuk menilai hasil kerja murid	3.86	.53	Tinggi
	Keseluruhan Dimensi Produk	**3.93**	**.48**	**Tinggi**

Jadual 4.12 menunjukkan rumusan skor min dan interpretasi bagi subkontruk dan keseluruhan konstruk dimensi proses. Julat skor bagi konstruk ini adalah antara 3.86 hingga 4.03 di mana skor min terendah adalah subkonstruk cara guru PJK menjalankan PBD PJK dan yang tertinggi adalah subkonstruk perancangan guru PJK dalam perlaksanaan PBD. Skor min keseluruhan bagi tahap dimensi input dalam pelaksanaan PBD PJK ialah 3.93 dan berada pada tahap tinggi berdasarkan interprestasi skor min adaptasi oleh Pallant (2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.4 Dimensi Produk

Persoalan kajian 4. Apakah tahap dimensi produk (penerimaan guru PJK, hasil perubahan pencapaian dan sikap murid terhadap mata pelajaran PJK serta kekangan guru PJK) dalam pelaksanaan PBD PJK?

Jadual 4.13

Tahap Dimensi Produk (penerimaan dan perubahan guru PJK) dalam Pelaksanaan PBD PJK

BIL	ITEM	JUMLAH DAN PERATUSAN (%)					MIN	SP
		STB	TB	TP	S	SS		
E1	Saya menyediakan fail untuk menyimpan eviden prestasi PBD PJK murid.	0 0%	8 4%	31 15.5%	131 65.5%	30 15%	3.92	.68
E2	Saya berbincang dengan guru PJK yang lain tentang pelaksanaan PBD PJK.	0 0%	2 2.5%	28 14%	140 70%	27 13.5%	3.95	.61
E3	Saya membuat refleksi terhadap PBD PJK yang telah dilaksanakan.	0 0%	3 1.5%	24 12%	143 71.5%	30 15%	4.00	.58
E4	Saya akur dengan tarikh dan tempoh yang ditetapkan oleh KPM dalam melaksanakan PBD PJK.	0 0%	3 1.5%	22 11%	125 62.5%	50 25%	4.11	.64
	KESELURUHAN ITEM						**3.99**	**.52**

Nota,STS= sangat tidak setuju, TS= tidak setuju, TP= tidak pasti, S= setuju, SS= sangat setuju

Jadual 4.13 mempamerkan tahap dimensi produk daripada penerimaan dan perubahan guru PJK terhadap pelaksanaan PBD PJK. Bagi item E1 didapati 80.5% orang responden memberi respons bersetuju mengenai item saya menyediakan fail untuk menyimpan eviden prestasi PBD PJK murid manakala 15.5% menjawab tidak pasti dan bakinya 4% memberi respons tidak bersetuju.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi item E2 iaitu saya berbincang dengan guru PJK yang lain tentang pelaksanaan PBD PJK, menunjukkan 83.5% orang responden bersetuju berbanding tidak setuju 2.5% dan selebihnya menjawab tidak pasti iaitu 14%. Bagi item E3 iaitu saya membuat refleksi terhadap PBD PJK yang telah dilaksanakan pula, sejumlah 86.5% orang responden telah bersetuju berbanding 1.5% tidak bersetuju dan selebihnya 12% telah memberi respons tidak pasti.

Item terakhir dalam subkontruk ini iaitu item E4 berkaitan saya akur dengan tarikh dan tempoh yang ditetapkan oleh KPM dalam melaksanakan PBD PJK menunjukkan respons yang tinggi iaitu 87.5% bersetuju manakala 11% memberi respons tidak pasti dan 1.5% tidak bersetuju.

Julat min bagi subkonstruk ini ialah 3.92 hingga 4.11. Secara keseluruhan skor min bagi tahap penerimaan dan perubahan guru PJK terhadap pelaksanaan PBD PJK ialah min = 3.99, sp = .52. Nilai skor ini berada pada tahap tinggi bagi interpretasi min berdasarkan adaptasi dari Pallant (2020). Ini menunjukkan tahap penerimaan dan perubahan guru PJK yang tinggi terhadap pelaksanaan PBD PJK.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.14

Tahap Dimensi Produk (hasil perubahan pencapaian dan sikap murid terhadap mata pelajaran PJK) dalam Pelaksanaan PBD PJK

BIL	ITEM	JUMLAH DAN PERATUSAN (%)					MIN	SP
		STB	TB	TP	S	SS		
E5	Pelaksanaan PBD PJK menjadikan murid lebih bertanggungjawab terhadap pelajaran mereka.	3 1.5%	16 8%	55 27.5%	105 52.5%	21 10.5%	3.63	.84
E6	Pelaksanaan PBD PJK dapat mengurangkan kadar ketidakhadiran murid.	6 3%	29 14.5%	55 27.5%	93 46.5%	17 8.5%	3.43	.94
E7	PBD PJK memberi peluang kepada murid untuk menunjukkan pencapaian mereka menerusi pelbagai cara/kaedah.	0 0%	7 3.5%	44 22%	128 64%	21 10.5%	3.82	.56
E8	PBD PJK membantu guru dalam membina pelbagai peluang pembelajaran yang baru kepada murid.	1 0.5%	4 2%	49 24.5%	127 63.5%	19 9.5%	3.80	.65
E9	PBD PJK membantu guru dalam meningkatkan amalan pentaksiran murid.	1 0.5%	10 5%	44 22%	127 63.5%	18 9%	3.76	.71
	KESELURUHAN ITEM						**4.61**	**.76**

Nota,STS= sangat tidak setuju, TS= tidak setuju, TP= tidak pasti, S= setuju, SS= sangat setuju

Jadual 4.14 mempamerkan tahap dimensi produk daripada aspek hasil perubahan pencapaian dan sikap murid terhadap mata pelajaran PJK dalam perlaksanaan PBD PJK. Bagi item E5 sebanyak 63% orang responden bersetuju mengenai pelaksanaan PBD PJK menjadikan murid lebih bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka manakala 9.5% tidak setuju dan selebihnya 27.5% menjawab tidak pasti.

Bagi item E6 iaitu pelaksanaan PBD PJK dapat mengurangkan kadar ketidakhadiran murid, didapati 55% orang responden memberi respons bersetuju manakala 17.5% tidak setuju selebihnya 27.5% memilih respons tidak pasti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi item E7 iaitu PBD PJK memberi peluang kepada murid untuk menunjukkan pencapaian mereka menerusi pelbagai cara atau kaedah, responden sebanyak 74.5% telah bersetuju berbanding 3.5% tidak bersetuju dan 22% menyatakan tidak pasti. Sebanyak 73% orang responden telah bersetuju dengan item E8 iaitu PBD PJK membantu guru membina pelbagai peluang pembelajaran yang baharu kepada murid dan 2.5% memberi respons tidak bersetuju manakala selebihnya 24.5% masih tidak pasti.

Item E9 mengenai PBD PJK membantu guru dalam meningkatkan amalan pentaksiran murid menunjukkan lebih separuh responden (72.5%) bersetuju dengan item ini dan 22% memilih tidak pasti dan terdapat 5.5% menyatakan tidak bersetuju.

Julat min bagi subkonstruk ini ialah 3.43 hingga 3.82. Nilai min terendah ialah Item E6 iaitu pelaksanaan PBD PJK dapat mengurangkan kadar ketidakhadiran murid dan nilai min tertinggi adalah pada item E7 berkaitan PBD PJK memberi peluang kepada murid untuk menunjukkan pencapaian mereka menerusi pelbagai cara/kaedah.

Secara keseluruhan skor min bagi tahap hasil perubahan pencapaian dan sikap murid terhadap mata pelajaran PJK dalam perlaksanaan PBD PJK ialah min = 4.61, sp =.76. Tahap interpretasi min bagi skor ini berada pada tahap tinggi berdasarkan adaptasi dari Pallant (2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.15

Tahap Dimensi Produk (kekangan guru PJK) dalam Pelaksanaan PBD PJK

BIL	ITEM	JUMLAH DAN PERATUSAN (%)					MIN	SP
		STB	TB	TP	S	SS		
E10	Saya menghadapi masalah kerana sukatan pelajaran PJK yang banyak.	2 1%	40 20%	46 23%	82 41%	30 15%	3.49	1.01
E11	Saya menghadapi kesukaran dalam proses PBD PJK kerana bilangan murid yang ramai.	2 1%	28 14%	41 20.5%	85 42.5%	44 22%	3.71	1.00
E12	Saya menghadapi masalah untuk mengambil tindakan susulan selepas pentaksiran atas faktor kekangan masa.	0 0%	20 10%	34 17%	103 51.5%	43 21.5%	3.85	.87
	KESELURUHAN ITEM						**3.68**	**.82**

Nota,STS= sangat tidak setuju, TS= tidak setuju, TP= tidak pasti, S= setuju, SS= sangat setuju

Jadual 4.15 mempamerkan tahap dimensi produk daripada aspek kekangan guru PJK dalam pelaksanaan PBD PJK. Terdapat tiga item soalan dalam subkonstruk ini. Lebih separuh responden iaitu 56% bersetuju dengan item E10 iaitu saya menghadapi masalah kerana sukatan pelajaran PJK yang banyak selebihnya 23% menjawab tidak pasti dan 21% memberi respons tidak bersetuju.

Bagi item E11 iaitu saya menghadapi kesukaran dalam proses PBD PJK kerana bilangan murid yang ramai memperoleh 64.5% orang responden bersetuju berbanding tidak setuju 15% dan selebihnya tidak pasti sebanyak 20.5%. Item E12 iaitu saya menghadapi masalah untuk mengambil tindakan susulan selepas pentaksiran atas faktor kekangan masa menunjukkan 73% orang responden bersetuju dengan item ini selebihnya 17% menyatakan tidak pasti dan 10% tidak bersetuju.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Julat min bagi subkonstruk ini ialah 3.49 hingga 3.85. Untuk subkonstruk ini, nilai skor min terendah adalah item E10 dan skor min tertinggi adalah item E12. Secara keseluruhan skor min bagi tahap kekangan guru PJK dalam pelaksanaan PBD PJK ialah min = 3.68, sp = .82 di mana nilai skor ini berada pada tahap interpretasi tinggi. Ini menunjukkan tahap untuk subkonstruk kekangan guru PJK dalam pelaksanaan PBD PJK adalah tinggi.

Jadual 4.16

Rumusan Skor Min dan Interpretasi bagi Dimensi Produk

Konstruk	Subkonstruk	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Dimensi Produk	a. Penerimaan dan perubahan guru PJK dalam pelaksanaan PBD	3.99	.52	Tinggi
	b. Hasil perubahan pencapaian dan sikap murid terhadap mata pelajaran PJK	4.61	.76	Tinggi
	c. Kekangan guru PJK dalam pelaksanaan PBD	3.68	.82	Tinggi
	Keseluruhan Dimensi Produk	**4.09**	**.47**	**Tinggi**

Jadual 4.16 menunjukkan rumusan skor min dan interpretasi bagi subkontruk dan keseluruhan konstruk dimensi produk. Julat skor bagi konstruk produk ialah antara 3.68 hingga 4.61 di mana skor min terendah adalah subkonstruk kekangan guru PJK dalam pelaksanaan PBD PJK dan yang tertinggi adalah subkonstruk hasil perubahan pencapaian dan sikap murid terhadap mata pelajaran PJK dalam perlaksanaan PBD. Skor min keseluruhan bagi tahap dimensi produk dalam pelaksanaan PBD PJK ialah 4.09 dan berada pada tahap tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.17

Rumusan Analisis Deskriptif berdasarkan Interpretasi Skor Min

Konstruk	Sub Konstruk	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Dimensi Konteks	a. Kerelevanan PBD dengan FPK	3.25	.83	Sederhana
	b. Tahap kesediaan guru PJK dalam pelaksanaan PBD	3.84	.57	Tinggi
	c. Sikap guru PJK dalam pelaksanaan PBD	3.74	.63	Tinggi
	Keseluruhan Item Dimensi Konteks	3.61	.58	Sederhana
Dimensi Input	a. Pengetahuan guru PJK menjalankan PBD	3.74	.57	Tinggi
	b. Kemahiran guru PJK menjalankan PBD	3.85	.49	Tinggi
	c. Latihan dan sokongan sekolah	3.65	.61	Sederhana
	Keseluruhan Item Dimensi Input	3.75	.49	Tinggi
Dimensi Proses	a. Perancangan guru dalam pelaksanaan PBD	4.03	.54	Tinggi
	b. Strategi pengajaran dan pemudahcaraan guru dalam pelaksanaan PBD	3.92	.51	Tinggi
	c. Kaedah guru PJK menjalankan PBD untuk menilai hasil kerja murid	3.86	.53	Tinggi
	Keseluruhan Item Dimensi Proses	3.93	.48	Tinggi
Dimensi Produk	a. Penerimaan dan perubahan guru PJK dalam pelaksanaan PBD	3.99	.52	Tinggi
	b. Hasil perubahan pencapaian dan sikap murid terhadap mata pelajaran PJK	4.61	.76	Tinggi
	c. Kekangan guru PJK dalam pelaksanaan PBD	3.68	.82	Tinggi
	Keseluruhan Item Dimensi Produk	4.09	.47	Tinggi

Secara keseluruhan Jadual 4.17 menunjukkan rumusan analisis deskriptif bagi tahap interprestasi setiap dimensi dan subkontrak dalam pelaksanaan PBD PJK.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4 Analisis Inferensi

Dalam bahagian ini, pengkaji menggunakan analisis inferensi berbentuk ujian regresi berganda bagi menyelesaikan jawapan untuk dua soalan kajian . Di samping itu, analisis ini juga akan menguji dua hipotesis alternatif kajian ini. Walau bagaimanapun bagi mengesahkan kesesuaian data kajian ini untuk dianalisis secara regresi berganda, beberapa pembuktian andaian perlu dipatuhi.

4.4.1 Pembuktian Andaian

Sebelum analisis regresi berganda dijalankan, maka perlulah dilakukan pembuktian andaian ke atas data kajian. Untuk kajian ini pembuktian andaian yang akan dipatuhi adalah *multicollinearity, outliers* dan *normality*.

4.4.1.1 Multikolineariti (*Multicollinearity*)

Multikolineariti ialah perkara yang berlaku apabila hubungan antara set faktor bebas adalah sangat tinggi (r = 0.9 dan ke atas). Oleh itu, multikolineariti dicirikan sebagai sejenis pengaruh yang mengganggu dalam maklumat, dan sekiranya ia wujud, penemuan yang boleh diukur mungkin akan menjadi masalah. Kehadiran isu multikolineariti harus diselesaikan sebagai salah satu langkah asas dalam maklumat kami sebelum melakukan lanjutan analisis. Pemboleh ubah bebas kajian diperiksa menggunakan ujian multikolineariti untuk melihat sama ada ia bertindan (*redundant*) antara satu sama lain (Ghazali & Sufean, 2021).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nilai *tolerance* serta nilai *Variance Inflation Factor* (VIF) ditemui apabila Ujian multikolineariti dilakukan. Nilai *tolerance* serta nilai *Variance Inflation Factor* (VIF) boleh ditafsirkan untuk melihat adakah berlakunya multikolineariti. *Tolerance* adalah indikator yang menunjukkan berapa banyak kepelbagaian sesuatu pemboleh ubah tidak bersandar khusus yang tidak dijelaskan oleh pemboleh ubah tidak bersandar yang lain dalam model yang diukur. Hal ini dikira menggunakan formula 1-R kuasa dua untuk setiap pemboleh ubah. Jika nilai yang terlalu kecil (kurang daripada .10), ia menunjukkan korelasi pelbagai dengan pemboleh ubah–pemboleh ubah adalah tinggi dan ia menunjukkan berlakunya multikolineariti.

Di samping itu, perlu dilihat korelasi antara setiap pemboleh ubah bebas tidak terlalu tinggi iaitu tidak melebihi nilai .70 dalam analisis yang sama. Jika perkara ini berlaku, pertimbangan yang perlu adalah membuang salah satu pemboleh ubah atau menggabungkan dua pemboleh ubah tersebut menjadi pemboleh ubah komposit. VIF pula mempunyai nilai yang bertentangan dengan *tolerence* di mana nilai melebihi 10 menunjukkan berlakunya multikolineariti.


Bagi data kajian ini, analisis menunjukkan nilai *tolerence* yang diperoleh adalah antara .33 hingga .55 yang mana nilai yang diperoleh tidak kurang daripada .10. Bagi korelasi antara pemboleh ubah pula, nilai korelasi antara dimensi semua dimensi berada pada nilai tidak melebihi .7 iaitu nilai antara 0.56 hingga 0.70. Nilai VIF pula adalah antara 1.828 hingga 2.979 yang mana nilai tersebut tidak melebihi nilai 10. Nilai yang diperoleh menunjukkan tidak berlaku multikolineariti dalam analisis yang dijalankan dalam kajian penilaian pelaksanaan PBD PJK ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.1.2 Pengecaman Data Terpinggir *(Outliers)*, Normaliti

Plot P-P-Normal adalah normal apabila plot kekerapan mendedahkan bahawa tiada satu pun titik menyimpang daripada garis normal dan semuanya terletak di dalam atau dekat dengan garis pepenjuru yang lurus dan munasabah dari kiri ke kanan. Rajah 4.6 Plot P-P-Normal menunjukkan semua titik berada di dalam atau menghampiri garisan pepenjuru secara lurus dan munasabah dari kiri ke kanan dan tidak lencongan dari garisan normal, maka tiada isu bagi data pengaruh dimensi Konteks, dimensi Input dan dimensi Proses terhadap Dimensi Produk.




Rajah 4.6. Taburan Normal P-P Plot bagi pengaruh dimensi Konteks, Input dan Proses terhadap Dimensi Produk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tabachnick dan Fidell (2013) mencirikan pengecualian sebagai kes yang mempunyai baki normal lebih menonjol daripada 3.3 atau tidak tepat - 3.3. Rajah 4.7 menunjukkan taburan responden adalah pada tertumpu pada nilai 2.0 dan -2.0. Keputusan menunjukkan bahawa tidak berlaku perlanggaran andaian bagi menggunakan regresi berganda. *Scatterplot* yang terhasil tidak menunjukkan berlakunya sisihan daripada segi empat berpusat.



Rajah 4.7. Taburan *Scatterplot* bagi pengaruh dimensi Konteks, Input dan Proses terhadap Dimensi Produk

Outliers juga boleh diperiksa menggunakan *Mahalanobis distances.* Bagi kajian yang menggunakan tiga pemboleh ubah tidak bersandar, nilai kritikal yang dicadangkan ialah 16.27 (Tabachnick dan Fidell, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nilai maksimum yang terhasil ialah 19.71 di mana melebihi nilai kritikal yang dicadangkan. Terdapat dua kes (ID 1 dan 2 dengan nilai 19.71 dan 17.52). Menurut Pallant (2010) dengan saiz fail data yang besar, beberapa *outliers* ialah perkara biasa terjadi dalam sesuatu kajian di mana taburan adalah normal jika satu peratus daripada kesemua kes jatuh di luar lingkungan nilai yang sepatutnya.

Bagi menyemak terdapatnya *outliers*, pengkaji boleh merujuk kepada *Cook's Distance* di mana kes yang mempunyai nilai melebihi satu mempunyai potensi masalah. Dapatan menunjukkan nilai *Cook's Distance* adalah minimum .000 dan maksimum .173. Nilai yang diperoleh tidak melebihi nilai satu, jadi tidak wujud masalah besar bagi data yang dianalisis dan kes tersebut tidak perlu dibuang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.2 Penilaian Model – Pengaruh Konteks, Input dan Proses terhadap Produk.

Bahagian ini adalah penyelesaian jawapan persoalan kajian serta pengujian hipotesis berikut:

Persoalan kajian 5. Adakah dimensi Konteks, Input dan Proses mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas dimensi Produk dalam pelaksanaan PBD PJK?

Pengujian hipotesis 1. Dimensi Konteks, Input dan Proses memberi pengaruh yang signifikan kepada dimensi Produk dalam pelaksanaan PBD PJK.

Jadual 4.18

Dimensi Konteks, Input dan Proses Mempunyai Pengaruh Yang Signifikan Ke Atas Dimensi Produk Dalam Pelaksanaan PBD PJK

Model	R	R^2	R^2 Terlaras	Anggaran Ralat Piawai
1	.722[a]	.521	.514	3.65

Jadual 4.18 menunjukkan bahawa pengaruh dimensi konteks, dimensi input dan dimensi proses ke atas dimensi produk. Berdasarkan jadual, nilai bagi R^2 ialah 0.521. Ini bermaksud gabungan dimensi konteks, dimensi input dan dimensi proses mempengaruhi 52.1% perubahan pada dimensi produk [F (3,196) = 71.16, p <.05]. Secara tidak langsung masih terdapat 47.9% faktor lain yang mempengaruhi dimensi produk. Oleh itu pengujian H_a1 yang menyatakan bahawa "dimensi konteks, dimensi input dan dimensi proses mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas dimensi produk dalam pelaksanaan PBD PJK" berjaya diterima.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.3 Penilaian Model – Peramal terbaik terhadap Dimensi Produk.

Bahagian ini adalah untuk menjawab persoalan kajian dan menguji hipotesis berikut:

Persoalan kajian 6. Apakah peramal terbaik untuk dimensi Produk dalam pelaksanaan PBD PJK?

Pengujian hipotesis 2. Dimensi Proses peramal terbaik untuk dimensi Produk dalam pelaksanaan PBD PJK.

Jadual 4.19

Peramal Terbaik untuk Dimensi Produk dalam Pelaksanaan PBD PJK

Model		Pengkali Bukan Piawai		Pengkali Piawai	t	Sig.
		B	Ralat Piawai	Beta		
1	Pemalar	13.803	2.218		6.223	< .000
	Dimensi Konteks	.164	.050	.218	3.268	.001
	Dimensi Input	.044	.077	.048	.567	.571
	Dimensi Proses	.479	.070	.532	6.809	< .001

Jadual 4.19 menunjukkan pengaruh unik setiap dimensi konteks, dimensi input dan dimensi proses terhadap dimensi penilaian produk. Di dapati bahawa hanya dimensi konteks (ß = .218, p = .001) dan dimensi proses (ß = .532, p = <.001) adalah signifikan kerana nilai untuk kurang daripada nilai alfa 0.05 manakala dimensi input tidak signifikan dengan nilai (ß = .048, p = .571). Keputusan analisis juga menunjukkan bahawa dimensi konteks dan dimensi proses masing-masing memberikan sumbangan unik yang signifikan ke atas dimensi produk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan nilai beta, didapati bahawa dimensi proses merupakan peramal terbaik dan signifikan ke atas dimensi produk iaitu nilai $\beta = 0.532$ dengan keseluruhan $R^2 = 0.521$ berbanding dimensi konteks $\beta = 0.218$. Ini membuktikan bahawa dimensi proses merupakan peramal terbaik kepada dimensi produk dalam pelaksanaan PBD PJK. Oleh itu pengujian H_a2 iaitu "dimensi proses peramal terbaik untuk dimensi produk dalam pelaksanaan PBD PJK" berjaya diterima.

Secara keseluruhan, dapatan pengujian hipotesis kajian ini diringkaskan dalam paparan jadual 4.20.

Jadual 4.20

Rumusan Hipotesis Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hipotesis	Penyataan Hipotesis	Keputusan
H_a1	Dimensi Konteks, Input dan Proses memberi pengaruh yang signifikan kepada dimensi Produk dalam pelaksanaan PBD PJK.	Diterima
H_a2	Dimensi Proses peramal terbaik untuk dimensi Produk dalam pelaksanaan PBD PJK.	Diterima

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5 Rumusan

Bab ini telah melaporkan dapatan mengenai pelaksanaan PBD PJK yang diperoleh melalui kajian yang telah dijalankan dalam kalangan guru-guru sekolah menengah di daerah Kota Setar. Perolehan data telah dijalankan analisis dengan mengaplikasikan analisis statistik deskriptif dan analisis regresi berganda menggunakan program IBM SPSS 27. Keputusan analisis penilaian pelaksanaan PBD PJK menunjukkan bahawa ketiga-tiga lain selain konteks berada pada tahap yang tinggi berdasarkan interpretasi nilai min berdasarkan adaptasi dari Pallant (2020). Manakala dimensi konteks menunjukkan tahap sederhana dalam hasil analisis. Keputusan analisis regresi berganda menunjukkan gabungan tiga dimensi konteks, input serta proses mempengaruhi 52.1% perubahan pada dimensi produk. Hasil kajian juga mendapati dimensi proses merupakan peramal terbaik kepada dimensi produk dalam pelaksanaan PBD PJK.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji terus membicarakan, menyimpulkan serta memberi idea terhadap dapatan kajian berdasarkan analisis data yang dipamerkan dalam bab analisis data. Di samping itu juga, pengkaji akan mengaitkan dengan kajian lampau serta model penilaian yang berkaitan. Perbincangan dapatan kajian ini dihuraikan berdasarkan objektif atau soalan kajian dan dibahaskan secara kritikal. Penemuan baharu kajian akan dibincangkan selari dengan persoalan kajian. Topik cadangan pula melibatkan cadangan idea kepada organisasi terlibat berserta cadangan untuk pengkaji yang seterusnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Ringkasan Kajian

Idea kajian ini dibuat adalah untuk menilai tahap pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah di peringkat sekolah menengah di Daerah Kota Setar, Kedah terhadap subjek Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Seramai 200 orang para guru yang memikul amanah mengajar subjek PJK di peringkat menengah dipilih untuk menjadi responden kajian ini.

Kajian ini dijalankan adalah berdasarkan isu status pelaksanaan PBD PJK bagi daerah Kota Setar berdasarkan Pelaporan Akhir PBD mata pelajaran PJK negeri Kedah 2021, di mana kedudukan daerah Kota Setar berada di kedudukan terendah dalam skor peratusan jumlah murid mendapat tahap penguasaan empat hingga tahap penguasaan enam. Oleh sebab para guru mengambil bahagian yang penting dan bertanggungjawab untuk mengawal, menilai, memberi markah, dan merekodkan pencapaian pelajar di peringkat sekolah (Zamri et al., 2010). Maka perlulah kajian pelaksanaan PBD PJK dijalankan.

Pendekatan kuantitatif berbentuk deskriptif dan inferensi secara tinjauan digunakan dalam kajian penilaian ini. Pengumpulan data menggunakan instrumen soal selidik yang mengandungi 65 item. Penilaian ini mengaplikasikan Model Penilaian KIPP Stufflebeam et al. (1971) dengan menggunakan kesemua konstruk yang terdiri daripada aspek konteks, input, proses dan produk. Setelah selesai proses pengumpulan data dijalankan, data akan dianalisis menggunakan program IBM SPSS 27. Analisis data statistik deskriptif dan regresi berganda digunakan bagi menemukan kesemua jawapan persoalan kajian dan hipotesis kajian yang telah dikemukakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keputusan analisis deskriptif terhadap pelaksanaan PBD PJK ini menunjukkan tiga dimensi (input, proses dan produk) diklasifikasikan pada tahap tinggi manakala klasifikasi menunjukkan tahap sederhana pada dimensi konteks. Hasil dua pengujian hipotesis alternatif kajian ini diterima dalam pelaksanaan PBD PJK sekolah menengah.

Keputusan analisis menunjukkan bahawa secara keseluruhan, dimensi konteks, input dan proses memberi sumbangan yang signifikan sebanyak 52.1% perubahan dalam dimensi produk. Oleh itu, Ha1 yang mengatakan bahawa “dimensi konteks, dimensi input dan dimensi proses mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas dimensi produk dalam pelaksanaan PBD PJK” berjaya diterima.

Dapatan analisis juga mendapati nilai beta bagi dimensi proses (53.2%) memberikan sumbangan unik yang lebih besar dengan keseluruhan $R^2 = 0.521$ berbanding dimensi konteks (21.8%) dan paling sedikit dimensi input (4.8%). Ini membuktikan bahawa dimensi proses merupakan peramal terbaik kepada dimensi produk dalam pelaksanaan PBD PJK. Oleh itu pengujian Ha2 iaitu “dimensi proses peramal terbaik untuk dimensi produk dalam pelaksanaan PBD PJK” berjaya diterima.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 Perbincangan

Terdapat enam persoalan kajian yang harus dijawab oleh pengkaji dalam bab ini serta dua hipotesis alternatif. Berikut adalah perbincangan mengenai pelaksanaan PBD PJK berdasarkan keempat-empat dimensi meliputi 12 subkonstruk yang terkandung di dalam model Penilaian KIPP.

5.3.1 Pelaksanaan PBD PJK dari Dimensi Konteks.

Berdasarkan dapatan kajian mendapati bahawa secara keseluruhannya skor min tahap dimensi konteks (kerelevanan PBD dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, sikap guru PJK dan tahap kesediaan guru PJK) dalam pelaksanaan PBD PJK menunjukkan klasifikasi tahap sederhana. Situasi ini menjadi sederhana adalah disebabkan oleh subkonstruk dimensi ini iaitu kerelevanan PBD dengan FPK diklasifikasikan tahap sederhana berdasarkan respons guru menjawab tidak bersetuju dan tidak pasti bagi keseluruhan item masih ramai.

Dapatan kajian ini secara keseluruhan adalah konsisten dengan kajian Norazilawati et al., (2015), yang diklasifikasikan tahap dimensi konteks (kerelevanan PBS dengan Falsafah Pendidikan Negara, sikap guru dan tahap kesediaan guru) dalam pelaksanaan PBS bagi guru sains juga menunjukkan klasifikasi interpretasi sederhana. Hal ini dapat dirumuskan sebahagian guru PJK mahupun sains masih belum jelas tentang kerelevanan PBD dengan FPK. Berbanding dengan Mohamed Faizul et al., (2019) kajiannya yang terhadap PBD menemukan dapatan tahap konteks guru PJK berada pada tahap tinggi. Bagaimanapun subkontruk di bawah dimensi konteks dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian Mohamed Faizul et al., (2019) adalah berbeza, di mana dimensi konteks lebih memfokuskan kepada pedagogi PJK yang meliputi FPK, matlamat mata pelajaran PJK, objektif dan kandungan PJK.

Aspek kesediaan guru PJK pula diklasifikasikan pada interpretasi tinggi dalam pelaksanaan PBD. Ini menunjukkan bahawa para guru PJK mempunyai usaha yang tinggi untuk menyiapkan diri bagi pelaksanaan PBD di sekolah. Ini adalah kerana guru-guru PJK telah didedahkan kepada objektif dan matlamat dalam pelaksanaan PBD melalui sebaran maklumat daripada JPN dan PPD, kursus dalaman, buku panduan PBD, panitia sekolah dan pencarian sendiri oleh guru dalam memahami pelaksanaan PBD.

Dapatan kajian ini juga secara keseluruhan adalah konsisten dengan Fara Izzati dan Siti Rahaimah (2021) berdasarkan penyataan guru subjek Matematik peringkat sekolah rendah menunjukkan interpretasi tinggi dalam menjalankan PBD. Bagaimanapun kajian ini melihat daripada persepsi guru matematik di peringkat sekolah rendah. Namun begitu dapatan kajian pengkaji bertentangan dengan Kaviza (2022) yang mendapati tahap kesediaan guru Sejarah berada pada tahap sederhana dalam pelaksanaan PBD di sekolah. Ini adalah mungkin kerana guru mata pelajaran terlibat tidak mendapat panduan dan latihan yang sepatutnya sebelum melaksanakan PBD berbanding dengan guru PJK dan guru Matematik.

Seterusnya, klasifikasi interpretasi tinggi juga diperoleh dalam subkontruk aspek sikap guru PJK dalam pelaksanaan PBD. Penemuan ini mengukuhkan penyataan Amie dan Ruhizan (2019) bahawa sikap guru bukan penghalang kepada guru untuk melaksanakan PBD dengan berkesan. Pada asasnya guru yang menerima baik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelaksanaan PBD (Fahkri & Mohd Isha, 2016; Masfarizan & Mohammed Yusoff, 2020) kerana guru menjalankan PBD dengan mengaplikasikan kemahiran sedia ada (Sajjad et al., 2019). Ini adalah kerana guru mempunyai sikap atau gaya tersendiri dalam melaksanakan PBD seperti yang dihasratkan oleh KPM (Mahaya et al., 2019).

5.3.2 Pelaksanaan PBD PJK dari Dimensi Input.

Hasil dapatan yang dianalisis oleh pengkaji mendapati keseluruhan dimensi input yang meliputi pengetahuan guru PJK, kemahiran guru PJK menjalankan PBD serta latihan dan sokongan sekolah berada pada tahap interpretasi tinggi. Ini menunjukkan guru PJK telah memperoleh input yang membolehkan pelaksanaan PBD PJK berjalan dengan lancar. Bagaimanapun dapatan keseluruhan dimensi input ini tidak selari dengan kajian Norazilawati et al., (2015) di mana dimensi input berada pada tahap sederhana dalam pelaksanaan pentaksiran terhadap para guru sains.

Mengikut dapatan kajian, guru PJK mempunyai tahap pengetahuan dan tahap kemahiran yang tinggi dalam melaksanakan PBD. Dapatan ini konsisten dengan penemuan Abdul Said et al., (2021) bahawa pendidik mempunyai maklumat dan kebolehan yang tinggi dalam pelaksanaan PBD. Begitu juga kajian Sh. Siti Hauzimah (2019), mendapati kemahiran guru dalam mengendalikan proses PBD adalah juga tinggi. Ini bertepatan dengan saranan dalam menjalankan penilaian berkaitan pembelajaran murid, guru yang menilai mestilah berpengetahuan dan berkemahiran (Yeh dan Mohd Zahuri, 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berbanding dengan dua subkonstruk dalam dimensi input, didapati aspek latihan dan sokongan sekolah berada pada tahap sederhana. Oleh itu, guru PJK memerlukan latihan kursus dan mantap mengenai PBD serta sokongan yang tinggi oleh pelbagai pihak dalam melaksanakan dan melancarkan proses PBD di sekolah. Ini bertepatan dengan saranan Mohd Azmi (2016) bahawa program latihan guru terhadap PBD perlu diteruskan. Ini disokong oleh Zahari et al., (2020) iaitu faktor guru masih kurang berjaya melaksanakan aktiviti PBD dengan baik disebabkan keberkesanan program latihan yang dilaksanakan. Di sini perlulah KPM/LPM/JPN/PPD sebagai pihak tertinggi meluangkan perhatian yang tinggi bagi memantapkan lagi kandungan dalam pengisian program latihan kepada guru mengenai PBD dalam meningkatkan mutu penilaian PBD di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.3 Pelaksanaan PBD PJK dari Dimensi Proses.

Analisis kajian mendapati bahawa secara keseluruhannya skor min bagi dimensi proses juga pada tahap interpretasi tinggi. Penilaian aspek proses yang menekankan latihan yang terlibat dengan perjalanan pelaksanaan PBD oleh guru PJK di mana subkonstruk iaitu perancangan dan strategi PdPc dalam pelaksanaan PBD serta cara guru melakukan PBD di sekolah berada pada tahap penterjemahan yang tinggi. Kajian ini menunjukkan dapatan ini konsisten dengan dapatan dimensi proses kajian Norazilawati et al., (2015) dalam pelaksanaan pentaksiran dalam kalangan guru sains. Ini membuktikan bahawa para guru PJK juga meletakkan keutamaan tanggungjawab terhadap pelaksanaan PBD. Seterusnya, ini membolehkan guru PJK membuat pertimbangan profesional berhubung tahap penguasaan murid yang sesuai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil dapatan kajian bagi tahap perancangan guru PJK dalam menjalankan PBD adalah pada indeks interpretasi tinggi. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Fara Izzati dan Siti Rahaimah (2021), yang mendapati responden yang merupakan guru matematik mempunyai tahap skor min yang tinggi bagi semua item PBD yang guru rancang dan laksanakan. Walau bagaimanapun kajian ini sedikit berbeza daripada segi lokasi dan peringkat sekolah. Syed Kamaruzaman dan Parawazalam (2017) menyokong dapatan kajian ini dengan menunjukkan bahawa guru PJK telah merangka strategi yang berkesan untuk melaksanakan kurikulum PJK di sekolah menengah daripada segi kemudahan, bahan pengajaran dan sumber.

Begitu juga bagi subkonstruk strategi PdPc guru dalam pelaksanaan PBD menunjukkan guru PJK berada tahap yang tinggi. Syed Kamaruzaman dan Parawazalam (2017) menyatakan bahawa untuk guru PJK mencapai hasil pembelajaran, mereka mesti membuat perancangan berkaitan pengajaran. Penemuan ini disokong oleh Ilhavenil et al. (2020) yang menyatakan bahawa guru berupaya menjalankan pentaksiran untuk mengukur pencapaian pelajar dengan menggunakan pelbagai teknik penilaian melalui PdPc yang berbeza. Ini adalah sesuai dengan pentaksiran PBD PJK yang mentaksir murid melalui pengetahuan teori dan kemahiran permainan.

Bagi dapatan analisis kaedah guru PJK menjalankan PBD untuk menilai hasil kerja murid menunjukkan tahap subkonstruk ini berada pada tahap tinggi. Dapatan ini mengukuhkan dapatan Norazilawati et al., (2015) yang menyatakan bahawa kaedah guru sains dalam penilaian eviden murid adalah sama dengan dapatan tahap interpretasi kajian ini. Walaupun kaedah pentaksiran PBD mata pelajaran PJK dan Sains berbeza.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ini menunjukkan bahawa para guru PJK juga telah mengambil bahagian yang penting dan bertanggungjawab untuk menyelia, menilai, memberi markah, dan merekodkan pencapaian pelajar di peringkat sekolah (Zamri et al., 2010).

5.3.4 Pelaksanaan PBD PJK dari Dimensi Produk.

Bagi dimensi terakhir kajian iaitu dimensi produk, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya tahap indeks interpretasi skor min dimensi ini adalah tinggi. Perbezaan ditunjukkan antara dapatan ini dengan dapatan Norazilawati et al., (2015) yang berada pada tahap sederhana untuk dimensi ini bagi pelaksanaan pentaksiran guru-guru sains daerah Batang Padang, Perak. Perbezaan ini diandaikan boleh berlaku kerana peringkat lokasi dan mata pelajaran berbeza.

Daripada aspek subkonstruk penerimaan dan perubahan guru PJK dalam pelaksanaan PBD menunjukkan tahap indeks interpretasi tinggi. Ini konsisten dengan penemuan Fara Izzati dan Siti Rahaimah (2021) yang berkaitan dengan penerimaan guru matematik akan melaksanakan PBD dengan cara yang paling ideal dan mengikut manual pelaksanaan PBD untuk mentaksir murid dengan baik. Jelas di sini bahawa guru PJK sedia menerima dalam perubahan sistem pembelajaran di Malaysia.

Seterusnya dari subkonstruk yang melihat hasil perubahan pencapaian dan sikap murid terhadap mata pelajaran PJK menunjukkan tahap indeks interpretasi agak tinggi. Dapatan ini bertentangan dengan dapatan oleh Norazilawati et al., (2015) yang mana aspek ini berada pada tahap sederhana. Perbezaan ini diandaikan boleh berlaku kerana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam kajian ini hanya memfokuskan kepada cara pelaksanaan PBD sahaja. Untuk mendapatkan hasil yang lebih jelas, perspektif murid juga harus dipertimbangkan memandangkan pelaksanaan PBD ini merangkumi guru sebagai pentaksir dan murid ditaksir (Tong, 2016).

Beralih ke subkonstruk terakhir berkaitan kekangan guru PJK dalam pelaksanaan PBD pula menunjukkan status tinggi dalam analisis kajian ini. Status kajian ini berkaitan kekangan guru mengukuhkan lagi penemuan kajian lain antaranya Sh. Siti Huzaimah (2019), Nor Asimah (2020) dan Fara Izzati dan Siti Rahaimah (2021) di mana guru mempunyai kekangan dalam pelaksanaan pentaksiran. Jelas di sini, kekangan memang wujud dalam pelaksanaan PBD bagi semua mata pelajaran. Dapatan kajian mereka menyenaraikan beberapa kekangan yang dalam pelaksanaan PBD antaranya kekangan masa, jumlah murid yang ramai, ruangan kelas yang terhad, murid kurang bermotivasi serta masalah struktur kurikulum yang disediakan.

5.3.5 Pengaruh Dimensi Konteks, Dimensi Input dan Dimensi Proses kepada dimensi Produk dalam pelaksanaan PBD PJK.

Kajian ini mendapati bahawa gabungan ketiga-tiga pengaruh iaitu dimensi konteks, dimensi input dan dimensi proses meramal pengaruh yang signifikan kepada dimensi produk dalam pelaksanaan PBD PJK. Ketiga-tiga pengaruh ini memberi pengaruh sebanyak 52.1% terhadap dimensi produk dalam pelaksanaan PBD PJK. Data menunjukkan lebih separuh pengaruh kepada dimensi produk adalah dipengaruhi oleh ketiga-tiga pengaruh ini. Berdasarkan dapatan ini, boleh dirumuskan bahawa ketiga-tiga pengaruh ini iaitu dimensi konteks, dimensi input dan dimensi proses berupaya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjadi peramal kepada dimensi produk dalam melaksanakan PBD PJK. Ini membuktikan keseluruhan subkonstruk di bawah setiap ketiga-tiga dimensi memainkan peranan penting dalam keberkesanan pelaksanaan PBD PJK.

Sebagaimana pengetahuan umum, PBD berkait rapat dengan FPK, Hal ini disebabkan PBD merupakan penilaian asas dan berterusan yang digunakan dalam sesi PdPc untuk menilai murid berdasarkan kandungan FPK (Ng et al., 2023). PBD membantu guru memahami keperluan individu murid, mengenal pasti kelemahan dan kekuatan mereka, serta merancang strategi pengajaran yang bersesuaian. Dengan cara ini, PBD menyumbang kepada perkembangan holistik murid sesuai dengan falsafah pendidikan negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pentaksiran yang berkesan memerlukan kesediaan guru dalam mengaplikasikan PBD dengan betul. Menurut Arumugham (2020), guru memainkan peranan yang penting dan menyeluruh dalam memastikan proses PdPc berjalan lancar. Faktor kesediaan guru merangkumi pengetahuan tentang konsep PBD, kemahiran dalam merancang dan melaksanakan aktiviti penilaian yang bervariasi, serta kepakaran dalam memberikan maklum balas yang berkualiti kepada murid. Guru perlu memahami prinsip dan kaedah PBD serta mempunyai kemahiran menguruskan bilik darjah dengan baik untuk melaksanakan PBD secara berkesan.

Sikap guru memainkan peranan penting dalam kejayaan pelaksanaan PBD. Guru yang mempunyai sikap positif terhadap PBD akan lebih bersedia untuk menerima perubahan dan secara aktif menyertai diri menjalankan pentaksiran. Menurut Tan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Husaina Banu (2020), faktor sikap guru dalam proses mentaksir murid adalah berkait rapat dengan ketepatan dan keberkesanan pentaksiran. Sikap positif guru termasuk kesedaran akan kepentingan pentaksiran berterusan dalam meningkatkan pembelajaran murid, keinginan untuk menyediakan peluang pembelajaran yang berbeza dalam bilik darjah, serta keterbukaan untuk bekerjasama dengan rakan sejawat dalam berkongsi penilaian dan praktik terbaik.

Pengetahuan guru mengenai PBD ialah aspek penting dalam pelaksanaan yang berkesan. Menurut Ng et. al. (2023), kualiti pengajaran dan kualiti pentaksiran saling berhubungan dengan tahap pengetahuan seseorang guru. Guru perlu memahami prinsip-prinsip asas PBD, termasuk jenis-jenis pentaksiran, kaedah pengumpulan data, dan kaedah penilaian. Guru juga perlu memahami matlamat dan objektif pelaksanaan PBD dalam konteks kurikulum dan panduan yang ditetapkan oleh KPM. Pengetahuan yang baik dalam hal ini memastikan guru dapat merancang dan melaksanakan aktiviti pentaksiran yang relevan dan sesuai dengan keperluan murid.

Kemahiran guru dalam melaksanakan PBD adalah penting untuk memastikan pentaksiran yang efektif. Guru perlu memiliki kemahiran dalam merancang dan melaksanakan aktiviti penilaian yang bervariasi, seperti ujian bertulis, tugasan berstruktur, projek, dan penilaian lisan. Dalam mewujudkan iklim PdPc yang berkesan kepada murid, keperluan tahap kemahiran yang tinggi harus dimiliki oleh guru (Sh. Siti Hauzimah, 2019). Kemahiran dalam memberikan maklum balas yang berkualiti kepada murid juga penting dalam membantu mereka memahami kekuatan dan kelemahan mereka serta langkah-langkah yang perlu diambil untuk meningkatkan prestasi. Guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

juga perlu memahami cara menggunakan data penilaian untuk membuat keputusan berkaitan dengan pembelajaran dan pengajaran.

Latihan dan sokongan yang diberikan oleh sekolah kepada guru ialah faktor yang penting dalam pelaksanaan PBD. Seperti yang dinyatakan oleh Zahari et al., (2020), guru yang tidak menyertai program latihan PBD berkemungkinan kurang berjaya menyelesaikan aktiviti PBD. Latihan berkala kepada guru berkaitan PBD perlu disediakan oleh sekolah supaya para guru lebih berpengetahuan dan berkemahiran dalam proses mentaksir murid dengan berkesan. Latihan ini boleh merangkumi sesi perkongsian pengalaman, bengkel, dan kursus yang ditawarkan oleh pihak sekolah, PPD, JPN mahupun KPM. Guru yang menghadiri kursus ini boleh meningkatkan tahap pengetahuan mereka dan menjadi pendidik yang lebih yakin dan profesional (Arumugham, 2020). Sokongan daripada pentadbiran sekolah juga diperlukan, termasuk pemantauan secara berkala dan penilaian yang berterusan serta penekanan kepentingan PBD dalam proses PdPc.

Perancangan guru merupakan faktor utama dalam pelaksanaan PBD yang berkesan. Guru perlu merancang aktiviti dan penilaian berdasarkan matlamat pembelajaran yang ditetapkan dalam sukatan pelajaran. Perancangan yang baik memerlukan pemahaman tentang kemahiran, pengetahuan, dan sikap yang dijangka daripada murid. Menurut Zahari et al. (2020), semasa PBD dilaksanakan, guru harus mahir dalam menentukan sasaran penilaian yang sesuai berdasarkan prospektus dan seterusnya tahap penguasaan murid. Untuk membolehkan murid menunjukkan pencapaian mereka melalui PBD, guru mesti memilih kaedah dan strategi pengajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang sesuai. Selain itu, perancangan juga melibatkan penentuan instrumen penilaian yang sesuai dan mengambil kira keperluan pelajar secara individu.

Strategi Pengajaran dan Pemudahcaraan guru adalah penting dalam menjalankan PBD (Zamri et al., 2010). Pelibatan murid secara aktif dapat diwujudkan dalam PdPc seandainya guru bijak menggunakan strategi pengajaran yang berkualiti dalam menyampaikan kandungan pembelajaran. PdPc yang efektif dalam konteks PBD boleh merangkumi kaedah kolaboratif, pembelajaran berpusatkan murid, penggunaan teknologi dalam pengajaran, dan pelaksanaan aktiviti yang membantu penglibatan aktif daripada murid dalam sesi PdPc serta memperoleh maklumat tentang pencapaian mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Guru PJK mempunyai kaedah yang unik dalam melaksanakan PBD. Mereka boleh menggunakan pendekatan pengajaran langsung dan tidak langsung untuk menilai kebolehan fizikal, pengetahuan, dan sikap murid. Kaedah PJK dalam melaksanakan PBD dapat merangkumi penggunaan ujian lapangan, ujian kemahiran, penilaian prestasi semasa aktiviti sukan, refleksi terhadap pengalaman pembelajaran, dan penilaian kendiri dan rakan sebaya. Guru akan dapat menentukan tahap penguasaan setiap murid, serta bidang kekuatan dan kelemahan mereka, berdasarkan cara penilaian ini dijalankan (Arumugham, 2020). Di samping itu, guru PJK juga perlu memperhatikan faktor keselamatan dan memastikan pentaksiran dilakukan dalam persekitaran yang selamat dan sesuai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini mendapati baki sebanyak 47.9% ialah pengaruh lain yang memberi pengaruh kepada dimensi produk dalam pelaksanaan PBD PJK. Berikut adalah mungkin beberapa faktor lain yang perlu dipertimbangkan dalam pelaksanaan PBD PJK.

Antaranya ketersediaan rujukan dan panduan yang jelas dan komprehensif mengenai PBD dalam PJK akan memberi arahan yang berguna kepada guru dalam melaksanakan PBD. Rujukan ini dapat menyediakan panduan tentang penilaian dalam konteks PJK, jenis dan kaedah penilaian yang sesuai, serta petunjuk langkah demi langkah dalam merancang dan melaksanakan PBD.

Seterusnya, penyediaan sumber daya yang mencukupi, seperti peralatan sukan, kelengkapan alatan sukan, bahan pembelajaran, dan ruang yang sesuai, mempengaruhi pelaksanaan PBD dalam PJK. Bagi membolehkan murid menyertai aktiviti pentaksiran PJK yang berkualiti tinggi, guru hendaklah memastikan murid mendapat akses kepada sumber yang diperlukan.

Faktor kerjasama dengan pihak berkepentingan juga boleh dikaji. Kerjasama yang baik antara guru, pentadbiran sekolah, rakan sejawat, anak-anak didik serta waris sangat berperanan utama dalam pelaksanaan PBD dalam PJK. Komunikasi yang terbuka dan kerjasama yang baik dapat meningkatkan pemahaman bersama tentang PBD, memperkuatkan sokongan dan penglibatan semua pihak, serta mempromosikan budaya penilaian yang positif dan berterusan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, faktor-faktor seperti saiz bilik darjah, kepadatan murid, keadaan kemudahan sukan, dan sokongan daripada komuniti tempatan juga mempengaruhi pelaksanaan PBD dalam PJK. Sekolah dan guru perlu mengambil kira faktor-faktor ini dan menyesuaikan strategi dan aktiviti PBD untuk memastikan pencapaian murid.

Faktor penilaian keselamatan antara faktor lain yang perlu dijadikan penilaian dalam PBD. Keutamaan keselamatan murid dalam pelaksanaan PBD dalam PJK sangat penting. Guru perlu memastikan bahawa semua aktiviti dan kaedah penilaian dilaksanakan dengan mematuhi prinsip-prinsip keselamatan yang sesuai. Penekanan pada keselamatan dalam pelaksanaan PBD PJK akan memastikan pembelajaran yang selamat dan menyokong pertumbuhan dan perkembangan murid secara menyeluruh.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Faktor-faktor ini adalah bersifat pelengkap dengan faktor-faktor sebelumnya yang telah dikaji dalam kajian ini dan saling berkaitan dalam mempengaruhi keberhasilan pelaksanaan PBD dalam bidang PJK.

5.3.6 Dimensi Proses peramal terbaik untuk dimensi Produk dalam pelaksanaan PBD PJK.

Kajian ini mendapati bahawa terdapat peramal terbaik untuk dimensi Produk dalam pelaksanaan PBD PJK. Keputusan analisis nilai beta menunjukkan dimensi proses (53.2%) memberi pengaruh yang unik lebih besar dengan keseluruhan $R^2 = 0.521$ berbanding dimensi konteks (21.8%) dan dimensi input (4.8%). Ini membuktikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahawa dimensi proses ialah peramal terbaik kepada dimensi produk dalam pelaksanaan PBD PJK.

Dimensi proses menjadi peramal terbaik kepada dimensi produk adalah bermungkinan disebabkan beberapa faktor. Antaranya, di dalam dimensi proses terdapatnya subkonstruk yang mengkaji strategi, kaedah dan perancangan guru dalam melaksanakan PBD PJK. Di mana subkonstruk ini lebih memainkan peranan dalam proses guru menjalankan PBD PJK. Strategi, kaedah, dan perancangan guru mempunyai hubungan yang erat semasa guru melaksanakan PBD PJK dan memberikan pengaruh yang signifikan kepada dimensi produk dalam pelaksanaan PBD PJK.

Cara pembelajaran PBD PJK disampaikan kepada murid akan dipengaruhi oleh strategi pengajaran yang dipilih oleh guru. Guru dapat menggunakan strategi yang berpusat pada murid, contohnya pembelajaran koperatif dan pembelajaran berasaskan projek. Dengan memilih strategi yang sesuai, guru dapat meningkatkan penglibatan dan pemahaman murid dalam pembelajaran dan pemudahcaraan mata pelajaran PJK.

Kaedah pengajaran merujuk pada pendekatan yang terlibat dalam proses menyampaikan pengajaran. Ini termasuk penggunaan media dan teknologi, kumpulan perbincangan, tugas individu atau kumpulan, dan sebagainya. Dalam PBD PJK, kaedah pengajaran yang tepat dapat membantu mengembangkan keterampilan psikomotor, kognitif, dan afektif murid. Misalnya, semangat dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran PJK boleh dirangsang dengan menggunakan permainan atau simulasi interaktif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perancangan pengajaran melibatkan perencanaan pengalaman pembelajaran yang efektif dan berstruktur. Guru perlu merancang urutan pembelajaran yang logik, menentukan objektif pembelajaran yang jelas, memilih dan mengatur sumber bahan pembelajaran yang bersesuaian, dan menilai pembelajaran murid. Dalam konteks PBD PJK, perancangan pengajaran yang baik akan memastikan bahwa objektif pembelajaran PJK tercapai dengan cara yang efektif dan efisien.

Dengan menggabungkan strategi, kaedah, dan perancangan yang tepat, guru dapat menciptakan lingkungan pembelajaran yang lebih efektif dan merangsang bagi murid dalam pemahaman yang mendalam tentang pembelajaran PJK. Hal ini akan membantu meningkatkan prestasi murid dalam PBD PJK dan mencapai tujuan pembelajaran yang ditetapkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berbanding dengan dimensi konteks pula yang menjadi peramal kedua terbaik dalam pelaksanaan PBD PJK. Ini kemungkinan adalah berlaku kerana faktor guru PJK yang masih belum jelas melalui subkonstruk kerelevanan PBD dengan FPK yang menyumbang skor min berada pada tahap sederhana. Kekurangan dari subkontrak latihan dan sokongan sekolah dalam PBD PJK juga antara ialah kemungkinan guru memberikan skor yang rendah kepada dimensi input menjadikan dimensi input juga tidak menjadi peramal terbaik.

Berdasarkan pembuktian, maka pengujian hipotesis alternatif 2 kajian ini iaitu Dimensi Proses merupakan peramal terbaik untuk dimensi Produk dalam pelaksanaan PBD PJK adalah diterima. Pembuktian kajian ini selari dengan hasil dapatan kajian Noorzeliana (2016), Haniza (2019) dan Mohd Mazhan et al., (2022) yang terlebih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dahulu membuktikan dimensi proses merupakan peramal terbaik ke atas dimensi produk dalam kajian mereka.

5.4 Implikasi Kajian

Pentaksiran Bilik Darjah dilihat mempunyai peranan utama sistem pendidikan yang dibangunkan di Malaysia. Hasil kajian ini memberi beberapa implikasi kepada penilaian pelaksanaan dalam mencapai objektif dan matlamat PBD. Kajian ini telah menunjukkan satu penilaian yang menyeluruh berkaitan perlaksanaan PBD PJK dalam kalangan guru PJK sekolah menengah. Justeru itu, terdapat beberapa implikasi diperoleh daripada kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dengan menggunakan model penilaian KIPP, kajian pentaksiran bilik darjah dapat memberikan pemahaman yang lebih holistik dan komprehensif tentang konteks, input, proses, dan produk pendidikan. Implikasi ini memungkinkan adanya peningkatan dan penyesuaian yang tepat dalam sistem pendidikan secara keseluruhan. Penilaian bilik darjah dapat diintegrasikan dengan lebih baik ke dalam konteks pendidikan yang ada, memungkinkan penilaian yang lebih relevan dan bermakna. Oleh sebab hasil dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Noorzeliana (2016), Haniza (2019) dan Mohd Mazhan et al., (2022) bagi dapatan peramal terbaik. Maka ini menguatkan dan menambahkan pembuktian kajian yang menyatakan dimensi proses merupakan peramal terbaik ke atas dimensi produk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian PBD ini dapat memberi maklumat berharga kepada guru mengenai tahap pelaksanaan bagi guru PJK sekolah menengah. Dengan melibatkan diri dalam kajian, guru dapat mengakses maklumat terkini tentang amalan terbaik dalam pentaksiran bilik darjah di samping mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam pelaksanaan PBD PJK. Dengan ini akan memberi peluang kepada guru untuk memperkayakan pengetahuan dan keterampilan mereka dalam bidang pentaksiran dan pengajaran.

Perkara yang perlu diambil perhatian adalah berkaitan dengan latihan dan sokongan sekolah dalam pelaksanaan PBD di mana hasil dapatan menunjukkan berada di tahap sederhana. Ini mungkin disebabkan oleh guru merasakan latihan dan sokongan sekolah terhadap pelaksanaan PBD masih boleh ditingkatkan khususnya PBD PJK. Sekolah harus menyediakan latihan dan pembangunan profesional untuk guru tentang bagaimana melaksanakan PBD dengan betul. Guru-guru dapat belajar bagaimana menilai kemajuan murid, memperbaiki kaedah pengajaran dan membina hubungan yang baik dengan murid dan ibu bapa.

Sokongan dan pengiktirafan juga dapat memberi motivasi kepada guru untuk terus mengambil pendekatan yang selaras dengan FPK dalam proses pentaksiran. Dengan memberikan sokongan yang mencukupi, sekolah dapat membantu guru melaksanakan PBD dengan lebih berkesan, menjadikan proses pembelajaran lebih interaktif dan menarik untuk murid dan membantu murid mencapai matlamat pembelajaran yang dikehendaki.

Kajian PBD PJK ini memberikan implikasi yang signifikan ke Lembaga Peperiksaan Malaysia. Hasil kajian ini dapat mengenal pasti kelemahan dan kekuatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam sistem pentaksiran sedia ada. Hasil daripada kajian ini dapat membantu LPM untuk membuat penambahbaikan dalam pentaksiran, seperti memperbaharui bentuk soalan, menilai aspek penilaian yang lebih relevan, dan memperkenalkan kaedah penilaian yang lebih efektif.

Seterusnya, berkaitan dengan kerelevanan PBD dengan FPK dalam konteks guru di mana kajian menunjukkan masih di tahap sederhana. Ada pertikaian berkenaan dengan kewujudan PBD dalam sistem pentaksiran di Malaysia mungkin disebabkan kebanyakan guru lebih popular dengan sistem pentaksiran sebelumnya. Di sini, dapatan kajian ini memberi maklumat kepada KPM berkenaan wujudnya pertikaian kerelevanan PBD dengan FPK. Maklumat ini dapat digunakan oleh KPM untuk menyusun semula polisi pendidikan, mengubah kurikulum, dan mengambil tindakan yang sesuai untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara.

Dengan itu, KPM boleh menyediakan garis panduan mengenai cara-cara melaksanakan pentaksiran bilik darjah yang selari dengan FPK. Garis panduan ini boleh membantu guru memahami kepentingan PBD dalam konteks pendidikan kebangsaan dan membantu mereka mengaplikasikan prinsip-prinsip pendidikan kebangsaan dalam proses pentaksiran khususnya PBD. Di sini KPM boleh melaksanakan proses pemantauan yang lebih efektif dan memastikan bahawa standard kualiti dalam pentaksiran dan pendidikan dipertahankan.

Di samping itu, KPM boleh menyediakan latihan dan pembangunan profesional kepada guru untuk meningkatkan pemahaman mereka mengenai FPK dan bagaimana PBD dapat memenuhi matlamat pendidikan kebangsaan. Latihan dan pembangunan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

profesional ini boleh membantu guru mengambil pendekatan yang holistik dan menyeluruh dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah.

Kajian ini menyumbang kepada koleksi bahan kajian berkaitan penilaian dan pentaksiran khususnya berkaitan dengan PBD bagi subjek PJK di peringkat sekolah menengah. Kebanyakan kajian sedia ada lebih tertumpu kepada mata pelajaran lain berbanding kepada mata pelajaran PJK.

Secara keseluruhan, kajian penilaian PBD PJK ini dapat memberikan input penting kepada LPM, KPM, JPN, PPD, sekolah serta guru dalam usaha meningkatkan sistem pentaksiran murid. Implikasi yang dihasilkan daripada kajian ini dapat membantu dalam penambahbaikan pentaksiran, pengajaran dan pembelajaran, polisi pendidikan, pemantauan, pengumpulan data, dan mengambil tindakan yang sesuai untuk meningkatkan kualiti kecemerlangan dalam Pendidikan.

5.5 Cadangan Kajian Lanjutan

Melihat kepada limitasi yang wujud dalam proses kajian dilaksanakan di samping pengumpulan data diperoleh hanya melalui sumber soal selidik berdasarkan tinjauan guru mata pelajaran PJK sekolah menengah sahaja. Maka beberapa cadangan kajian lanjutan diutarakan. Berikut ialah beberapa idea kajian tambahan yang boleh dipertimbangkan oleh bakal pengkaji akan datang untuk menambahkan lagi kajian lanjutan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melihat pada responden kajian, pengkaji hanya menjalankan kajian kepada para guru yang ditugaskan mengajar mata pelajaran PJK peringkat menengah di daerah Kota Setar sahaja. Dengan ini pengkaji mencadangkan untuk kajian lanjutan seterusnya diluaskan populasi kajian ke seluruh negeri atau melibatkan semua sekolah di seluruh Malaysia agar dapatan kajian dapat digeneralisasikan dengan lebih meluas.

Kajian ini juga hanya dijalankan terhadap guru PJK di peringkat sekolah menengah sahaja. Maka dicadangkan untuk pengkaji akan datang untuk kajian lanjutan boleh dilaksanakan ke atas guru-guru PJK sekolah rendah juga. Ini adalah kerana, perlu dilihat juga tahap perlaksanaan PBD PJK yang dilaksanakan oleh guru pada peringkat sekolah rendah.

Melihat daripada segi persepsi pula, dijalankan kajian hanya sudut persepsi guru-guru dalam pelaksanaan PBD PJK dikaji. Jadi untuk kajian akan datang, dicadangkan pengkaji boleh melihat pelaksanaan PBD PJK daripada aspek pihak pentadbir serta murid agar pelbagai sudut pandangan dikaji dalam pelaksanaan PBD PJK.

Kajian ini hanya melihat tahap pelaksanaan PBD PJK terhadap guru yang mengajar PJK sekolah menengah sahaja. Maka dengan menggunakan soal selidik yang sama, kajian baharu boleh melihat dan mencari serta membandingkan tahap hubungan pelaksanaan PBD PJK dengan pengalaman guru atau pun guru opsyen dan bukan opsyen.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

